2012

PERKEMBANGAN EKONOMI PADA TAHUN 2012

11 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

18 Ekonomi Malaysia

26 Sektor Luar Negeri

30 *Rencana: Imbangan Akaun Semasa di Malaysia: Perkembangan Terkini dan Prospek*

37 *Rencana: Perubahan dalam Pemacu Pertumbuhan Ekonomi di Malaysia*

43 Perkembangan Harga

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA

Pada tahun 2012, landskap ekonomi antarabangsa adalah lebih mencabar berbanding dengan tahun sebelumnya. Pertumbuhan global meningkat dengan lebih sederhana secara serentak apabila keadaan ekonomi yang semakin lemah di beberapa ekonomi utama menjejaskan perdagangan antarabangsa yang seterusnya memberikan kesan limpahan negatif terhadap aktiviti dalam negeri ekonomi sedang pesat membangun. Prospek pertumbuhan global yang lebih rendah berserta keadaan ketidakpastian fiskal semasa yang berterusan dalam ekonomi maju, secara kumulatif telah menyumbang kepada ketidaktentuan yang berterusan dalam pasaran kewangan. Dalam pasaran komoditi, kecuali harga minyak mentah yang kekal tinggi, harga komoditi lain lebih rendah disebabkan oleh permintaan global yang lebih lemah dan keadaan penawaran yang lebih menggalakkan. Keadaan ini seterusnya menyebabkan tekanan inflasi menjadi lebih lemah. Bagi menghadapi persekitaran luar yang tidak menentu ini, banyak negara terus melaksanakan pelonggaran dasar monetari bagi menyokong pertumbuhan.

Pertumbuhan global meningkat dengan lebih sederhana secara serentak dalam keadaan risiko pertumbuhan menjadi lebih rendah yang meningkat, manakala tekanan inflasi terus menjadi lemah

Pertumbuhan global lebih sederhana

Pada tahun 2012, pertumbuhan ekonomi global menjadi sederhana, meneruskan trend menurun yang telah bermula pada awal tahun 2011. Kebanyakan ekonomi serantau berkembang pada kadar yang jauh lebih rendah berbanding dengan kadar purata sebelum krisis apabila kelemahan yang dialami oleh ekonomi utama menular ke seluruh dunia.

Momentum pertumbuhan dalam ekonomi maju adalah tidak seimbang. Ekonomi Amerika Syarikat (AS) terus mencatat pemulihan walaupun lemah, manakala beberapa ekonomi utama lain mencatatkan pertumbuhan yang rendah. Ekonomi AS mencatatkan pemulihan yang sederhana, ekoran kelemahan di dalam dan luar negeri. Di dalam negeri, keadaan ini mencerminkan terutamanya keadaan pasaran perumahan dan pekerja yang lembap, pembayaran balik hutang yang berterusan oleh bank-bank dan isi rumah serta ketidakpastian yang meningkat yang timbul daripada kebimbangan fiskal. Pertumbuhan di AS turut dipengaruhi oleh sentimen perniagaan yang negatif dan eksport yang lembap disebabkan terutamanya oleh keadaan ekonomi yang lemah di Eropah. Walau bagaimanapun, menjelang separuh kedua tahun itu, pasaran perumahan dan pekerja menunjukkan tanda-tanda penstabilan, lantas memberikan sedikit sokongan kepada pertumbuhan.

Walau bagaimanapun, kawasan euro mengalami kemelesetan dalam keadaan kemerosotan aktiviti ekonomi secara meluas dalam kalangan negara anggota. Beberapa siri langkah yang diambil oleh pihak berkuasa menyumbang kepada penstabilan keadaan pasaran kewangan pada tahun itu, tetapi masih belum memadai untuk mencapai penyelesaian yang komprehensif terhadap krisis tersebut. Pertumbuhan dalam ekonomi yang dilanda krisis pula terus dipengaruhi oleh langkah penjimatan fiskal, pengangguran yang tinggi serta pengantaraan kewangan yang terjejas. Bagi tempoh yang selanjutnya pada tahun itu, pertumbuhan dalam ekonomi teras juga merosot, tetapi pada kadar yang lebih kecil. Jerman mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan disebabkan oleh pelaburan yang semakin lemah, manakala aktiviti ekonomi di Perancis tidak berkembang dalam keadaan penggunaan isi rumah yang lebih rendah. Ekonomi di United Kingdom (UK) juga mencatat pertumbuhan yang lemah yang berpanjangan, mencerminkan kesan negatif daripada pengukuhan fiskal semasa dan kemerosotan eksport ke kawasan euro. Di Jepun, walaupun pertumbuhan pada mulanya mendapat manfaat daripada permintaan berkaitan dengan pembinaan semula apabila ekonomi

pulih secara beransur-ansur daripada bencana alam tahun lepas, kesannya semakin berkurang menjelang separuh tahun kedua. Keadaan ini diburukkan lagi oleh persekitaran luar yang terus lemah serta penggunaan yang lembap kerana sokongan dasar untuk pembelian kenderaan cekap tenaga telah luput.

Di Asia, pertumbuhan yang sederhana, yang bermula pada lewat tahun 2011 dan berterusan hingga ke tahun 2012, mencerminkan terutamanya permintaan luar yang lemah. Pertumbuhan yang sederhana dalam Ekonomi Perindustrian Baharu (Newly Industralised Economies, NIE) menjadi semakin ketara menjelang pertengahan tahun disebabkan oleh kesan limpahan buruk daripada sektor luar negeri terhadap permintaan dalam negeri. Di Republik Rakyat (RR) China, pertumbuhan yang lembap juga disebabkan oleh langkah dasar yang ketat yang dilaksanakan dalam sektor harta tanah dalam tempoh dua tahun yang lalu. Di samping itu, kerajaan tidak mengumumkan sebarang dasar propertumbuhan yang utama kerana usaha sedang dipertingkat ke arah menstabilkan pertumbuhan dan menyeimbangkan semula ekonomi. Walau bagaimanapun, aktiviti ekonomi dalam negeri bertambah baik menjelang akhir tahun, disokong oleh pelaburan dalam infrastruktur dan sedikit penstabilan dalam pasaran harta tanah. Berbeza dengan trend pertumbuhan serantau yang secara keseluruhannya sederhana, banyak ekonomi ASEAN mencatat kadar pertumbuhan yang secara relatif kukuh. Pertumbuhan ini disokong oleh inisiatif yang diterajui oleh kerajaan dan daya tahan permintaan dalam negeri yang disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan, akses kepada pembiayaan yang berterusan dan peningkatan dalam pendapatan.

Keadaan kewangan antarabangsa lebih baik

Pada suku pertama 2012, **pasaran kewangan antarabangsa** dicirikan oleh sentimen yang bertambah baik apabila krisis hutang kerajaan dan perbankan Eropah reda berikutan langkah yang diperkenalkan oleh European Central Bank (ECB), Federal Reserve (Fed) dan Bank of Japan (BOJ). Selain itu, prospek pertumbuhan global yang lebih baik berikutan perkembangan ekonomi yang positif di AS serta daya tahan yang berterusan dalam ekonomi sedang pesat membangun telah mengubah kesanggupan mengambil risiko para pelabur. Hasilnya, harga ekuiti kembali pulih dan ekonomi sedang pesat membangun mencatatkan aliran masuk modal.

Trend yang menggalakkan ini telah bertukar arah pada bulan April berikutan kebimbangan terhadap kawasan euro yang timbul semula, terutamanya di Sepanyol. Kos peminjaman untuk Sepanyol meningkat lantaran kebimbangan terhadap sistem perbankan domestik dan kemelesetan ekonomi negara itu yang semakin buruk. Di samping itu, keputusan pilihan raya pada bulan Mei yang tidak muktamad telah meningkatkan lagi kebimbangan bahawa Greece mungkin akan keluar daripada kesatuan mata wang tunggal itu. Risiko penularan turut meningkat apabila penarafan kredit kerajaan dan bank di beberapa ekonomi utama, termasuk AS dan ekonomi

Rajah 1.1

Pertumbuhan Semasa Berbanding dengan Purata Sebelum Krisis



*Merujuk kepada purata pertumbuhan KDNK benar tahun 2003-2007

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)

teras di Eropah, mengalami penurunan gred. Tanda-tanda awal pertumbuhan semakin lemah di AS dan RR China menyumbang kepada turun naik seterusnya dalam pasaran kewangan global. Kemerosotan dalam sentimen dan keyakinan pasaran dicerminkan melalui aliran keluar deposit dari beberapa negara Eropah, kejatuhan dalam indeks pasaran ekuiti global serta meningkatnya permintaan terhadap aset selamat (safe haven). Berikutan perkembangan ini, kadar hasil bagi bon kerajaan di AS, Jerman dan Switzerland menurun. Ketidakpastian global turut berkesudahan dengan aliran modal keluar semula dari rantau Asia.

Pada separuh tahun kedua, sentimen bertambah baik hasil daripada pengumuman beberapa cadangan untuk menangani krisis hutang kerajaan di Eropah. Langkah-langkah ini bertujuan untuk menghentikan kesan beralih balik yang negatif (negative feedback loop) antara sistem perbankan negara dengan kedudukan fiskal kerajaan serta memulih keyakinan dalam kesatuan mata wang itu. Langkah-langkah yang dicadangkan termasuk permodalan semula bank-bank secara terus, pembentukan kesatuan perbankan serta perjanjian pertumbuhan sebanyak €120 bilion bagi menyokong aktiviti ekonomi di kawasan euro. Pada bulan Julai, pernyataan oleh Presiden ECB untuk "melakukan apa sahaja" bagi memelihara euro mendorong keyakinan serta sentimen pasaran menjadi bertambah baik. Khususnya, kadar hasil bon kerajaan untuk tempoh 10 tahun bagi negara yang terjejas oleh krisis seperti Sepanyol dan Itali menurun dengan sederhana daripada kadar tertinggi. Kebimbangan pelabur terhadap kelembapan yang mendadak dalam pertumbuhan global juga berkurang apabila ekonomi utama mula menunjukkan tanda-tanda bahawa ekonomi akan stabil serta meningkat dengan sederhana. Keadaan ini juga telah dicerminkan menerusi aliran modal yang masuk semula ke dalam ekonomi sedang pesat membangun, khususnya di rantau Asia. Meskipun terdapat perkembangan yang positif ini, risiko yang ketara masih kekal. Di Eropah, walaupun inisiatif dasar utama untuk mengurus krisis adalah lebih jelas, masih wujud ketidakpastian mengenai butiran terperinci pelaksanaannya. Di AS, kebimbangan yang meningkat terhadap tamatnya tempoh rangsangan fiskal menjejaskan pasaran kewangan menjelang akhir tahun.

Jadual 1.1

Ekonomi Dunia: Penunjuk Ekonomi Utama

	Pertumbuhan KDNK Benar (%)		Inflasi (%)	
	2011	2012*a*	2011	2012*a*
Pertumbuhan Dunia	**3.9**	**3.2**	**-**	**-**
Perdagangan Dunia	**5.9**	**2.8**	**-**	**-**
Ekonomi Maju				
Amerika Syarikat	1.8	2.2	3.2	2.1
Jepun	-0.6	2.0	-0.3	-0.1
Kawasan Euro	1.4	-0.6	2.7	2.5
United Kingdom	0.9	0.2	4.5	2.8
Negara Membangun Asia	**8.0**	**6.6**	**-**	**-**
NIE Asia[1]	**4.0**	**1.7**	**3.5**	**2.6**
Korea	3.6	2.0	4.0	2.2
China Taipei	4.1	1.3	1.4	1.9
Singapura	5.2	1.3	5.3	4.6
Hong Kong SAR[2]	4.9	1.4	5.3	4.1
Republik Rakyat China	**9.3**	**7.8**	**5.4**	**2.6**
ASEAN-4	**4.3**	**6.2**	**4.5**	**3.3**
Malaysia	5.1	5.6	3.2	1.6
Thailand	0.1	6.4	3.8	3.0
Indonesia	6.5	6.2	5.4	4.3
Filipina	3.9	6.6	4.8	3.1
India[3]	**7.8**	**4.0**	**9.5**	**7.5**

[1] Ekonomi perindustrian baharu
[2] Inflasi merujuk kepada indeks harga komposit
[3] Inflasi merujuk kepada indeks harga borong; KDNK pada harga pasaran bagi tahun kalendar
a Anggaran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Pihak Berkuasa Negara dan anggaran Bank Negara Malaysia

Dalam pasaran pertukaran asing, mata wang kebanyakan ekonomi maju dan Asia menambah nilai berbanding dengan dolar AS pada tahun 2012. Euro dan paun sterling bertambah kukuh berikutan sentimen yang secara keseluruhannya bertambah baik apabila terdapat beberapa kemajuan dalam penyelesaian krisis hutang kerajaan di Eropah. Namun begitu, terdapat beberapa tempoh penyusutan secara berkala dalam nilai euro dan paun sterling disebabkan oleh ketidakpastian dasar di Greece, isu fiskal dan perbankan di Sepanyol serta pengumuman data ekonomi yang lemah. Meskipun mata wang Asia mengalami susut nilai pada suku kedua berikutan kebimbangan yang meningkat terhadap kekukuhan pertumbuhan global, trend ini bertukar arah pada separuh tahun kedua apabila sentimen didorong oleh tindakan

dasar yang menyokong pertumbuhan oleh beberapa bank pusat utama. Magnitud langkah pelonggaran dasar yang diambil, yang belum pernah dilaksanakan sebelum ini oleh Fed, BOJ dan ECB, telah mendorong pelabur untuk melabur dalam aset yang memberikan pulangan hasil yang lebih tinggi, sekali gus menyumbang kepada penambahan nilai yang menyeluruh bagi kebanyakan mata wang Asia berbanding dengan dolar. Berbeza daripada trend ini, rupiah Indonesia mengalami penyusutan nilai sebanyak 7.3% berbanding dengan dolar AS, disebabkan oleh kebimbangan terhadap kedudukan luaran negara itu. Meskipun permintaan terhadap mata wang selamat mendorong penambahan nilai yen Jepun pada separuh pertama tahun 2012, trend ini bertukar arah pada separuh kedua tahun itu disebabkan oleh pengumuman data ekonomi yang lebih lemah dan jangkaan pelonggaran monetari yang selanjutnya oleh BOJ.

Turun naik harga komoditi berterusan

Harga komoditi global terus mengalami turun naik pada tahun 2012, disebabkan oleh kedua-dua faktor permintaan dan penawaran. Dalam pasaran tenaga, minyak mentah Brent mencatat harga purata pada USD112 setong pada tahun 2012, hampir kepada USD111 setong yang dicatat pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, terdapat turun naik harga sepanjang tahun disebabkan oleh perkembangan geopolitik di Timur Tengah dan kebimbangan terhadap pertumbuhan dalam ekonomi utama. Walaupun aktiviti ekonomi global lebih lembap memberikan tekanan menurun terhadap harga minyak mentah, harga kekal pada paras yang tinggi disebabkan oleh keadaan penawaran global yang terus tidak menentu. Pada suku pertama, kemungkinan sekatan dikenakan ke atas eksport minyak dari Iran, pengeluar minyak keempat terbesar, telah menyebabkan harga minyak mencecah paras tertinggi untuk 11 bulan pada USD126 setong. Trend menaik ini bertukar arah pada bulan April berikutan rundingan antara Iran dengan kuasa-kuasa global utama, serta pengeluaran minyak yang lebih tinggi oleh negara OPEC. Harga naik semula pada bulan Julai setelah rundingan tersebut gagal. Menjelang akhir tahun, ketegangan politik di Mesir dan bahagian lain di rantau itu menyebabkan keadaan menjadi lebih tidak menentu. Dari segi permintaan, data ekonomi yang lebih lemah di AS, Eropah, dan RR China menimbulkan kebimbangan terhadap pertumbuhan global yang lebih rendah. Bagi komoditi bukan tenaga, harga logam merosot

Rajah 1.2

Antara Peristiwa yang Menjejaskan Persekitaran Kewangan Global pada Tahun 2012



Sumber: Bloomberg

apabila kelembapan di RR China mendorong permintaan yang lebih rendah terhadap bijih besi dan tembaga. Harga makanan juga lebih rendah pada tahun itu apabila penggunaan global yang lebih lemah mengimbangi keadaan penawaran yang ketat disebabkan oleh inventori yang rendah dan kemerosotan dalam hasil tanaman disebabkan oleh faktor cuaca, terutamanya pada separuh kedua tahun 2012.

Tekanan inflasi semakin menurun

Pada tahun 2012, **tekanan inflasi global menjadi sederhana**, mengubah trend menaik yang dialami pada tahun sebelumnya. Dua trend asas menyumbang kepada perkembangan ini. Pertama, kelembapan dalam aktiviti ekonomi berikutan permintaan keseluruhan yang lebih lemah telah menyumbang kepada tekanan berasaskan permintaan yang amat lemah. Kedua, kenaikan harga tenaga yang lebih rendah juga memberikan kesan langsung dalam mengurangkan kenaikan harga pengguna, terutamanya dalam ekonomi maju. Walaupun perkembangan inflasi keseluruhan di AS berubah seiring dengan turun naik dalam harga tenaga dan komoditi, inflasi teras menjadi sederhana bagi keseluruhan tahun, menunjukkan ketiadaan tekanan permintaan. Di kawasan euro dan UK, harga pengguna kekal pada trend menurun dalam keadaan tekanan harga tenaga yang semakin berkurang. Harga pengguna keseluruhan (tidak termasuk makanan) di Jepun kekal dalam keadaan deflasi, mencerminkan jurang keluaran yang berterusan negatif dan kelemahan menyeluruh dalam harga merentas semua komponen. Kadar inflasi di Asia juga secara relatif sederhana, disebabkan terutamanya oleh kenaikan yang sederhana dalam harga makanan dan komoditi. Yang ketara, harga dalam negeri bagi makanan ruji di rantau ini, seperti beras, menjadi stabil dengan sokongan daripada permintaan global yang lebih rendah dan intervensi pasaran oleh beberapa kerajaan. Tekanan menurun terhadap inflasi berbeza-beza antara ekonomi, mencerminkan faktor-faktor khusus untuk sesebuah negara seperti kos tempat penginapan yang lebih tinggi (Singapura dan Hong Kong SAR) dan kenaikan sementara dalam harga makanan berikutan keadaan cuaca yang buruk di beberapa negara serantau (RR China, China Taipei, Korea dan Filipina). Walau bagaimanapun, inflasi teras secara umumnya terkawal.

Rajah 1.3

Indeks Harga Komoditi Utama



Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)

Dasar monetari lebih longgar

Dengan prospek pertumbuhan yang lebih lemah dan tekanan inflasi yang rendah, **dasar monetari** kekal akomodatif dalam kedua-dua ekonomi maju dan Asia disebabkan oleh kebimbangan bank-bank pusat terhadap risiko kepada pertumbuhan sepanjang tahun 2012.

Di AS, Fed mengekalkan dasar monetari yang amat akomodatif, yang dilaksanakan melalui program pelanjutan tempoh matang (Operation Twist) untuk mendorong tekanan menurun terhadap kadar faedah jangka panjang dan seterusnya menjadikan keadaan kewangan keseluruhannya lebih akomodatif. Pada bulan Oktober, Fed mengumumkan langkah pelonggaran kuantitatif selanjutnya melalui pembelian sekuriti bersandarkan gadai janji, dan sekali lagi pada bulan Disember dengan pembelian secara terus bil Perbendaharaan jangka panjang. Yang nyata, Fed beralih daripada pendekatan berasaskan tempoh kepada pendekatan berasaskan penunjuk, dan bertekad untuk mengekalkan pendirian akomodatif semasa selagi pengangguran kekal melebihi paras 6.5% dan inflasi antara satu hingga dua tahun tidak melebihi 2.5%.

Di Eropah, ECB telah mengurangkan kadar dasarnya sebanyak 25 mata asas kepada paras terendah 0.75%. ECB juga memperluas jenis aset yang boleh digunakan sebagai cagaran untuk meningkatkan akses kepada mudah tunai bagi sektor perbankan di kawasan euro. Di UK, Bank of England (BOE) telah menambah saiz program pembelian asetnya sebanyak £50 bilion pada bulan Februari, dan £50 bilion lagi pada bulan Jun kepada jumlah sebanyak £375 bilion pada tahun itu. Di samping itu, BOE dan kerajaan Britain bersama-sama mengumumkan rancangan

Jadual 1.2

Malaysia - Penunjuk Ekonomi Utama

	2010	2011	2012*a*	2013*r*
Penduduk (juta orang)	28.6	29.0	29.3	29.7
Tenaga kerja (juta orang)	12.3	12.7	13.1	13.5
Guna tenaga (juta orang)	11.9	12.3	12.7	13.1
Pengangguran (% daripada tenaga kerja)	3.3	3.1	3.0	3.1
Pendapatan Per Kapita (RM)	26,882	29,661	30,809	33,015
(USD)	8,346	9,693	9,974	10,760[6]
KELUARAN NEGARA (% perubahan)				
KDNK benar pada harga tahun 2005[1]	7.2	5.1	5.6	5.0 ~ 6.0
(RM bilion)	674.9	709.3	749.1	789.9
Pertanian, perhutanan dan perikanan	2.4	5.9	0.8	4.0
Perlombongan dan kuari	-0.4	-5.7	1.4	5.0
Perkilangan	11.9	4.7	4.8	4.9
Pembinaan	6.0	4.6	18.5	15.9
Perkhidmatan	7.2	7.0	6.4	5.5
PNK nominal	10.0	11.8	5.2	8.5
(RM bilion)	768.5	859.1	903.9	981.0
PNK benar	4.3	4.9	4.3	6.7
(RM bilion)	633.8	664.6	693.5	739.7
Agregat permintaan dalam negeri benar[2]	7.0	8.2	10.6	8.1
Perbelanjaan swasta	8.3	8.2	10.7	9.1
Penggunaan	6.6	7.1	7.7	7.1
Pelaburan	15.5	12.2	22.0	15.6
Perbelanjaan awam	3.8	8.4	10.3	5.4
Penggunaan	2.9	16.1	5.0	3.6
Pelaburan	5.0	-0.3	17.1	7.5
Tabungan negara kasar (% daripada PNK)	35.4	35.5	33.0	32.9
IMBANGAN PEMBAYARAN (RM bilion)				
Imbangan barangan	134.7	148.1	125.2	102.3
Eksport (f.o.b.)	640.0	696.6	702.9	713.1
Import (f.o.b.)	505.3	548.5	577.7	610.8
Imbangan perkhidmatan	1.7	-8.0	-13.4	-12.7
(% daripada PNK)	0.2	-0.9	-1.5	-1.3
Pendapatan, bersih	-26.5	-22.0	-33.7	-27.2
(% daripada PNK)	-3.4	-2.6	-3.7	-2.8
Pindahan semasa, bersih	-21.8	-21.0	-18.2	-19.6
Imbangan akaun semasa	88.1	97.1	60.0	42.7
(% daripada PNK)	11.5	11.3	6.6	4.4
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih[3]	328.6	423.3	427.2	-
(dalam bilangan bulan import tertangguh)	8.6	9.6	9.5	-
HARGA (% perubahan)				
IHP (2010=100)[4]	1.7	3.2	1.6	2.0 ~ 3.0
IHPR (2005=100)[5]	5.6	9.0	0.1	-
Upah benar bagi setiap pekerja dalam sektor perkilangan	6.4	0.6	4.6	-

[1] Mulai tahun 2012, KDNK benar telah diubah kepada harga tahun 2005, daripada harga tahun 2000 sebelum ini
[2] Tidak termasuk stok
[3] Semua aset dan liabiliti dalam mata wang asing telah dinilai semula kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira dan penambahan/pengurangan nilai juga ditunjukkan dengan sewajarnya dalam akaun Bank
[4] Bermula tahun 2011, Indeks Harga Pengguna merujuk kepada tahun asas baharu 2010=100 daripada tahun asas 2005=100 sebelum ini
[5] Bermula tahun 2010, Indeks Harga Pengeluar merujuk kepada tahun asas baharu 2005=100 daripada tahun asas 2000=100 sebelum ini
[6] Berdasarkan kadar pertukaran purata dolar AS bagi tempoh Januari-Februari 2013
a Awalan
r Ramalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual 1.3

Malaysia - Penunjuk Kewangan dan Monetari

KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN (RM bilion)	2010	2011	2012*a*
Hasil	159.7	185.4	207.9
Perbelanjaan mengurus	151.6	182.6	205.5
Perbelanjaan pembangunan bersih	51.3	45.3	44.3
Imbangan keseluruhan	-43.3	-42.5	-42.0
Imbangan keseluruhan (% daripada KDNK)	-5.4	-4.8	-4.5
Jumlah pembelanjaan pembangunan bersih sektor awam	103.0	101.8	163.9
Imbangan keseluruhan sektor awam (% daripada KDNK)	2.5	-3.5	-10.2
HUTANG LUAR NEGERI			
Jumlah hutang (RM bilion)	227.1	257.4	252.8
Hutang jangka sederhana dan panjang	147.6	153.5	159.8
Hutang jangka pendek[1]	79.4	103.9	93.0
Nisbah khidmat bayaran hutang[2] (% daripada eksport barangan dan perkhidmatan)			
Jumlah hutang	7.6	10.3	10.2
Hutang jangka sederhana dan panjang	7.6	10.2	10.1

WANG DAN PERBANKAN		Perubahan 2010		Perubahan 2011		Perubahan 2012	
		RM bilion	%	RM bilion	%	RM bilion	%
Bekalan wang	M1	23.5	11.7	33.8	15.1	28.9	11.2
	M3	68.8	6.8	154.8	14.3	109.4	8.8
Deposit sistem perbankan		75.0	7.1	161.0	14.1	109.4	8.4
Pinjaman sistem perbankan[3]		99.8	12.7	120.2	13.6	104.5	10.4
Nisbah pinjaman-deposit (pada akhir tahun)[4]		81.5		80.9		82.1	
Nisbah pembiayaan-deposit[4, 5]		88.0		86.6		89.2	

KADAR FAEDAH (PADA AKHIR TAHUN)	2010	2011	2012
	%	%	%
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	2.75	3.00	3.00
Kadar antara bank (1 bulan)	2.83	3.05	3.06
Bank perdagangan			
Deposit tetap 3 bulan	2.74	2.99	2.98
12 bulan	2.97	3.22	3.15
Deposit tabungan	1.00	1.15	1.03
Kadar pinjaman asas (BLR)	6.27	6.53	6.53
Bil perbendaharaan (3 bulan)[6]	2.82	2.99	3.04
Sekuriti Kerajaan Malaysia (1 tahun)[6]	2.85	2.82	3.01
Sekuriti Kerajaan Malaysia (5 tahun)[6]	3.39	3.23	3.24

KADAR PERTUKARAN MATA WANG ASING	2010	2011	2012
Pergerakan Ringgit (pada akhir tahun)	%	%	%
Perubahan berbanding dengan SDR	13.1	-2.8	3.9
Perubahan berbanding dengan USD[7]	11.1	-2.9	3.9

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[2] Termasuk prabayaran bagi hutang jangka sederhana dan panjang
[3] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
[4] Tidak termasuk transaksi institusi kewangan
[5] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan PDS oleh sistem perbankan kepada deposit sistem perbankan
[6] Merujuk kepada data daripada FAST, Bank Negara Malaysia
[7] Ringgit telah ditetapkan pada kadar RM3.80=USD1 pada 2 September 1998 dan beralih kepada apungan terurus berbanding dengan sekumpulan mata wang pada 21 Julai 2005
a Awalan

Rajah 1.4

Pergerakan Terkumpul Kadar Faedah Rasmi Sejak Tahun 2012



[1] Merujuk kepada kadar diskaun semula

Nota: Kadar faedah semasa dalam kurungan pada akhir bulan Januari 2013

Sumber: Pihak Berkuasa Negara

pinjaman untuk isi rumah dan perniagaan. Berikutan kebimbangan terhadap ekonomi dalam negeri yang semakin lemah dan risiko deflasi yang berterusan, BOJ telah meningkatkan jumlah program pembelian asetnya sebanyak lima kali kepada ¥101 trilion. BOJ turut mengumumkan matlamat inflasi sebanyak 1% untuk mengurus jangkaan, di samping meningkatkan saiz Kemudahan Pembiayaan Yang Menyokong Pertumbuhan, serta menyediakan jumlah pinjaman mampu dibayar tanpa had kepada institusi kewangan bagi merangsang pemberian pinjaman bank. Pada bulan Januari 2013, BOJ telah memperkenalkan sasaran kestabilan harga sebanyak 2% dan 'kaedah pembelian aset terbuka' di bawah Program Pembelian Aset bagi mengatasi deflasi serta merangsang pertumbuhan.

Di rantau Asia, bank pusat di RR China, India, Korea, Thailand, Filipina, Indonesia dan Vietnam menurunkan kadar dasar utama masing-masing antara 25 hingga 600 mata asas. Keputusan tersebut diambil untuk menyokong pertumbuhan memandangkan terdapat peningkatan risiko pertumbuhan akan menjadi lebih rendah, yang berpunca daripada persekitaran luar. Yang nyata, bank-bank pusat di rantau ini berwaspada terhadap risiko kesan limpahan yang negatif daripada sektor luar negeri kepada aktiviti ekonomi dalam negeri.

EKONOMI MALAYSIA

Tinjauan Keseluruhan

Ekonomi Malaysia mencatat prestasi yang lebih baik daripada jangkaan pada tahun 2012, dengan pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 5.6% (2011: 5.1%). Pertumbuhan yang kukuh ini disokong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan, yang mengurangkan kesan negatif daripada persekitaran luar yang lemah. Permintaan dalam negeri mencatat kadar pertumbuhan tertinggi bagi dekad ini, disokong oleh perbelanjaan penggunaan dan pelaburan yang lebih kukuh. Berbeza dari tahun 2009 apabila permintaan luaran yang lemah telah menjejaskan aktiviti ekonomi dalam negeri dengan ketara melalui kesannya ke atas pelaburan swasta dan penggunaan swasta, permintaan dalam negeri pada tahun 2012 kekal berdaya tahan. Daya tahan permintaan dalam negeri yang berterusan disokong sebahagian besarnya oleh asas-asas makroekonomi yang kukuh, struktur ekonomi yang lebih pelbagai dan seimbang, sistem kewangan yang lebih kukuh dan lebih maju, serta dasar makroekonomi yang lebih fleksibel.

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 5.6% pada tahun 2012. Pertumbuhan yang lebih baik daripada jangkaan ini disokong oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh dalam keadaan persekitaran luar yang lemah

Meneruskan trend sejak tahun 2011, pembentukan modal tetap kasar mencatat pertumbuhan yang kukuh pada tahun 2012. Kadar pertumbuhan pelaburan swasta kekal memberangsangkan sepanjang tahun itu, dengan aktiviti pelaburan yang menyeluruh oleh firma merentas kebanyakan sektor. Pelaburan dalam sektor minyak dan gas mencerminkan usaha bersepadu oleh sektor awam dan sektor swasta untuk meningkatkan pengeluaran minyak melalui pelaburan baharu dalam medan minyak laut dalam dan medan minyak yang lebih kecil. Pertumbuhan kukuh yang berterusan dalam penggunaan swasta telah mendorong kepada pelaburan yang lebih besar dalam sektor perkhidmatan berkaitan pengguna dan perkilangan, manakala permintaan serantau yang teguh memberikan insentif yang besar bagi pelaburan dalam sektor perkhidmatan berkaitan

pelancongan, seperti industri perrkhidmatan penerbangan, perubatan dan pendidikan. Persekitaran pembiayaan yang kondusif dalam sektor perbankan dan pasaran modal juga menyokong pembiayaan perbelanjaan modal. Di samping itu, pelaksanaan dan kemajuan dalam beberapa projek infrastruktur, termasuk projek yang dilaksanakan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) seperti Aliran Transit MY, juga telah memberikan kesan limpahan positif yang ketara terhadap aktiviti dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan dalam negeri. Ekoran perkembangan ini, nilai ditambah dalam sektor pembinaan mencatat pertumbuhan yang kukuh pada tahun 2012.

Walaupun wujudnya ketidaktentuan dalam persekitaran luar, aktiviti penggunaan terus kukuh pada tahun 2012. Keadaan ini disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan pendapatan yang menggalakkan, persekitaran inflasi yang rendah serta keadaan pembiayaan yang menyokong aktiviti penggunaan. Perbelanjaan isi rumah juga disokong oleh bayaran pindahan Kerajaan kepada isi rumah yang berpendapatan rendah dan sederhana. Walaupun pendapatan di kawasan luar bandar terjejas akibat kemerosotan harga getah dan kelapa sawit, sebahagiannya telah diimbangi oleh pembayaran sebanyak RM15,000 kepada peneroka FELDA dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM1.7 bilion.

Peningkatan aktiviti ekonomi dalam negeri pada tahun itu telah menyebabkan import barangan dan perkhidmatan mencatat pertumbuhan yang terus kukuh. Pertumbuhan kukuh ini sebahagian besarnya mencerminkan import barangan modal yang mantap, terutamanya import jentera, kelengkapan telekomunikasi serta pesawat

Jadual 1.4

KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan (2005=100)

	2011	2012*a*	2011	2012*a*
	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)	
Permintaan Dalam Negeri[1]	**8.2**	**10.6**	**6.9**	**9.2**
Penggunaan	8.9	7.1	5.4	4.5
Sektor swasta	*7.1*	*7.7*	*3.5*	*3.8*
Sektor awam	*16.1*	*5.0*	*1.9*	*0.7*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	6.5	19.9	1.5	4.7
Sektor swasta	*12.2*	*22.0*	*1.5*	*3.0*
Sektor awam	*-0.3*	*17.1*	*-0.0*	*1.7*
Perubahan dalam stok			**-0.7**	**0.3**
Eksport bersih barangan dan perkhidmatan	**-7.4**	**-29.4**	**-1.1**	**-3.8**
Eksport	*4.2*	*0.1*	*4.3*	*0.1*
Import	*6.2*	*4.5*	*5.4*	*3.9*
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar	**5.1**	**5.6**	**5.1**	**5.6**

[1] Tidak termasuk stok
a Awalan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 1.5

KDNK Benar Mengikut Sektor (2005=100)

	2011	2012*a*	2011	2012*a*
	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)[1]	
Pertanian	5.9	0.8	0.4	0.1
Perlombongan dan kuari	-5.7	1.4	-0.6	0.1
Perkilangan	4.7	4.8	1.2	1.2
Pembinaan	4.6	18.5	0.1	0.6
Perkhidmatan	7.0	6.4	3.7	3.5
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar	**5.1**	**5.6**	**5.1**	**5.6**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import
a Awalan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.5

KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan



a Awalan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

penumpang. Import barangan penggunaan juga berkembang sejajar dengan pertumbuhan yang lebih kukuh dalam perbelanjaan pengguna. Import perkhidmatan turut didorong terutamanya oleh pembayaran yang lebih tinggi bagi perkhidmatan profesional dan pembinaan, berikutan aktiviti pelaburan dan pembinaan yang kukuh pada tahun itu. Pembayaran untuk perjalanan juga lebih tinggi, mencerminkan bilangan rakyat Malaysia yang lebih banyak melancong ke luar negeri untuk percutian.

Eksport barangan dan perkhidmatan menjadi sederhana dengan ketara dalam keadaan permintaan luar negeri yang lebih lemah dari ekonomi maju dan ekonomi serantau. Pertumbuhan yang lebih rendah dalam eksport kasar disebabkan terutamanya oleh permintaan yang lebih lemah terhadap komoditi mentah dan keluaran bukan elektrik dan elektronik (E&E). Pada separuh pertama tahun 2012, pertumbuhan dalam eksport bukan E&E disokong oleh permintaan serantau. Walau bagaimanapun, pada separuh kedua tahun 2012, permintaan dari rantau ini terhadap eksport perkilangan dan komoditi merosot, berikutan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam ekonomi serantau utama. Yang ketara, permintaan terhadap minyak sawit mentah dan getah asli yang lebih rendah dialami semasa RR China mengalami pertumbuhan yang lembap dan kawasan euro mengalami kemelesetan ekonomi. Penguncupan dalam eksport komoditi juga diburukkan lagi oleh pengeluaran minyak sawit mentah yang lebih rendah dan gangguan dalam pengeluaran gas asli. Walaupun mencatat peningkatan kecil, eksport E&E masih lemah disebabkan oleh trend pelaburan dan penggunaan yang lembap dalam ekonomi maju. Eksport perkhidmatan meningkat sedikit disebabkan terutamanya oleh perolehan yang lebih tinggi daripada penyediaan perkhidmatan komputer, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta perkhidmatan perniagaan dan profesional oleh syarikat Malaysia. Perolehan daripada perkhidmatan pengangkutan merosot dengan nyata, berikutan eksport barangan yang sederhana dan ketibaan pelancong yang lebih rendah. Pertumbuhan ketibaan pelancong yang lebih rendah juga telah menjejaskan penerimaan daripada aktiviti pelancongan bagi tahun 2012.

Pertumbuhan import barangan dan perkhidmatan yang lebih tinggi berbanding dengan eksport menyebabkan eksport barangan dan perkhidmatan bersih mencatat penguncupan yang lebih besar pada tahun 2012, sekali gus mencatat sumbangan negatif yang lebih besar kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan. Walau bagaimanapun, keadaan ini lebih daripada diimbangi oleh sumbangan yang lebih tinggi daripada permintaan dalam negeri yang lebih kukuh.

Permintaan dalam negeri lebih kukuh

Permintaan dalam negeri mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 10.6% pada tahun 2012 (2011: 8.2%), dan menyumbang dengan nyata kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan. Ini disebabkan oleh pertumbuhan yang teguh dalam jumlah pembentukan modal tetap kasar serta pertumbuhan yang lebih kukuh dalam penggunaan swasta.

Jadual 1.6

Perdagangan Luar Negeri & Akaun Perkhidmatan

	2011	2012*a*
	Perubahan tahunan (%)	
Eksport kasar	**9.2**	**0.6**
Perkilangan	3.5	3.1
Elektronik dan elektrik (E&E)	*-3.7*	*-1.8*
Bukan E&E	*12.7*	*8.4*
Komoditi	28.2	-6.7
Pertanian	*33.0*	*-15.3*
Mineral	*23.8*	*1.9*
Import kasar	**8.5**	**5.9**
Barangan modal	8.7	20.5
Barangan pengantara	5.5	-3.4
Barangan penggunaan	19.0	11.6
Eksport perkhidmatan	**4.6**	**6.4**
Pengangkutan	-1.8	-10.5
Perjalanan	1.9	1.5
Perkhidmatan lain	12.8	22.1
Urus niaga kerajaan t.t.t.l	6.2	-17.8
Import perkhidmatan	**14.0**	**10.5**
Pengangkutan	6.2	1.3
Perjalanan	29.0	12.4
Perkhidmatan lain	12.2	18.0
Urus niaga kerajaan t.t.t.l	2.6	-13.8

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pengembangan Berterusan merentas Semua Sektor Ekonomi

Dari segi penawaran, kesemua sektor ekonomi terus berkembang pada tahun 2012, dengan sektor pembinaan mencatat peningkatan yang ketara. Pertumbuhan yang kukuh dalam sektor pembinaan (lihat rencana maklumat: Prestasi Kukuh Sektor Pembinaan) mencerminkan terutamanya kemajuan yang ketara dalam projek kejuruteraan awam. Pertumbuhan permintaan dalam negeri yang berterusan, khususnya dalam perbelanjaan sektor swasta, menyumbang kepada pertumbuhan dalam aktiviti berorientasikan pasaran dalam negeri yang berkaitan dengan sektor perkhidmatan dan perkilangan, manakala permintaan luar negeri yang perlahan menjejaskan prestasi perkhidmatan berkaitan perdagangan.

Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada pertumbuhan (3.5 mata peratusan daripada pertumbuhan KDNK keseluruhan), kerana subsektor yang menyumbang kepada pasaran dalam negeri, iaitu subsektor runcit dan telekomunikasi, memperoleh manfaat daripada perbelanjaan pengguna yang kukuh. Subsektor kewangan dan insurans mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi, mencerminkan pembiayaan yang berterusan, terutamanya kepada perniagaan, di samping pendapatan berasaskan fi yang lebih tinggi dan pertumbuhan dalam perolehan yang lebih kukuh daripada premium insurans. Perkhidmatan berkaitan perdagangan terutamanya subsektor borong dan pengangkutan, menjadi sederhana sejajar dengan aktiviti perdagangan luaran yang lebih perlahan.

Rajah 1

KDNK Benar Mengikut Aktiviti Ekonomi



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkilangan berkembang sebanyak 4.8%, dengan industri berorientasikan eksport dan pasaran dalam negeri mencatat pertumbuhan yang lebih baik. Dalam industri berorientasikan eksport, pengeluaran dalam kelompok E&E, terutamanya separa konduktor, kembali normal selepas mengalami gangguan ketara akibat bencana alam di Jepun dan Thailand pada tahun 2011. Permintaan yang berterusan terhadap keluaran kimia dan petroleum, terutamanya dari rantau ini, menyumbang kepada peningkatan keluaran daripada kelompok berkaitan sumber utama. Peningkatan dalam industri berorientasikan pasaran dalam negeri disebabkan oleh prestasi yang lebih baik dalam kelompok berkaitan pembinaan dan pengguna, didorong oleh aktiviti pembinaan dalam negeri yang lebih tinggi dan penggunaan swasta yang kukuh.

Sektor pertanian mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana sebanyak 0.8% pada tahun 2012. Keluaran minyak sawit mentah terjejas oleh keadaan cuaca yang buruk pada separuh tahun pertama, yang mendorong kepada kejatuhan hasil yang mendadak. Walau bagaimanapun, keadaan ini telah diimbangi oleh pertumbuhan yang kukuh dalam komoditi makanan utama, seperti ternakan, sayur-sayuran dan padi, dalam keadaan permintaan dalam negeri yang kukuh.

Nilai ditambah sektor perlombongan kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan sebanyak 1.4%, mencerminkan pemulihan dalam pengeluaran minyak mentah dan kondensat. Keadaan ini didorong terutamanya oleh keluaran yang lebih tinggi daripada medan minyak yang terletak di luar pesisir Semenanjung Malaysia dan Sabah. Keluaran minyak yang lebih tinggi turut disumbang oleh medan minyak marginal dan baharu, yang mula beroperasi pada tahun itu. Keluaran gas asli merosot sedikit, terjejas oleh penutupan yang berpanjangan beberapa loji di Sarawak pada pertengahan tahun itu bagi tujuan penyelenggaraan.

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) mencatat pertumbuhan yang nyata sebanyak 19.9% pada tahun 2012, disokong oleh perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh sektor awam dan swasta. Perbelanjaan modal lebih tinggi adalah menyeluruh, merentas sektor ekonomi khususnya dalam sektor perkhidmatan, perkilangan serta perlombongan, yang masing-masing didorong oleh aktiviti penggunaan dalam negeri yang kukuh, permintaan serantau yang berdaya tahan serta harga minyak mentah yang teguh. Pelaksanaan dan kemajuan yang berterusan dalam beberapa projek infrastruktur, termasuk projek yang dilaksanakan di bawah ETP dan koridor pertumbuhan wilayah, terus menjadi penyumbang kepada prestasi pelaburan yang kukuh. Prestasi pelaburan pada tahun itu juga mencerminkan iklim pelaburan yang lebih baik, berikutan pengenalan beberapa langkah bagi menambah baik lagi persekitaran untuk menjalankan perniagaan di Malaysia.

Aktiviti pelaburan berkembang dengan cepat, disokong oleh perbelanjaan modal yang kukuh oleh sektor awam dan swasta

Pelaburan swasta mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 22%, berikutan perbelanjaan modal dalam sektor perkhidmatan berorientasikan pengguna, sektor perkilangan berorientasikan pasaran dalam negeri, dan pelaksanaan projek infrastruktur utama, terutamanya dalam sektor perlombongan. Dalam sektor perkhidmatan, perbelanjaan modal didorong oleh pelaburan dalam subsektor berkaitan pengguna, seperti komunikasi dan perdagangan borong dan runcit, dan memperoleh manfaat daripada perbelanjaan pengguna yang terus tinggi dan usaha oleh firma untuk menaik taraf infrastruktur dan perkhidmatan sedia ada. Pelaburan dalam harta tanah mencatat perkembangan yang pesat dengan pembinaan lebih banyak harta tanah kediaman dan bukan kediaman, berikutan pertumbuhan yang kukuh dalam harta tanah yang dilancarkan antara tahun 2010 hingga 2011. Perbelanjaan modal yang lebih tinggi turut dicatat oleh subsektor perkhidmatan pengangkutan, terutamanya dalam industri penerbangan, disebabkan oleh permintaan yang mampan bagi perjalanan udara. Disokong

Rajah 1.6

Pertumbuhan dalam Pelaburan Awam dan Swasta berbanding dengan Sektor Pembinaan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

oleh harga tenaga yang kukuh, dan ditambah pula oleh insentif cukai bagi menggalakkan pembangunan medan minyak laut dalam dan medan minyak yang lebih kecil, pelaburan dalam perlombongan meningkat dengan ketara, dengan perbelanjaan modal disalurkan terutamanya ke dalam pembangunan medan minyak dan meningkatkan jumlah pengeluaran daripada medan minyak sedia ada. Dalam sektor perkilangan, pelaburan adalah terutamanya untuk peningkatan kapasiti oleh firma berorientasikan pasaran dalam negeri, khususnya dalam kelompok berkaitan pengguna. Pelaburan oleh firma perkilangan berorientasikan eksport mencerminkan pelaksanaan projek perkilangan yang diluluskan dalam kelompok berkaitan sumber utama, dan pelaburan dalam teknologi baharu bagi mempelbagaikan produk dan dalam bidang pertumbuhan baharu, iaitu kelengkapan perubatan dan telekomunikasi. Pelaburan turut disokong oleh pelaburan dalam automasi untuk meningkatkan produktiviti dan menaik taraf teknologi bagi mengurangkan kesan harga tenaga serta kos pekerja yang tinggi.

Pelaburan awam mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 17.1%, didorong oleh perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh perusahaan awam dalam sektor minyak dan gas, serta subsektor perkhidmatan pengangkutan, utiliti, dan telekomunikasi. Projek utama dalam sektor minyak dan gas termasuk penerokaan dan pembangunan medan minyak dan gas, pemulihan semula medan minyak yang sedia ada, dan pembinaan terminal regasifikasi (regasification) di Melaka. Pembinaan terminal baharu untuk penerbangan tambang murah

Prestasi Kukuh Sektor Pembinaan

Pada tahun 2012, sektor pembinaan mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 18.5%, pertumbuhan tertinggi sejak tahun 1995 (21.1%), didorong terutamanya oleh subsektor kejuruteraan awam. Ini mencerminkan usaha yang diambil untuk menambah baik akses jalan raya serta rel, meningkatkan kapasiti penjanaan elektrik, serta menambah pengeluaran minyak dan gas di Malaysia. Berbanding dengan pertumbuhan pesat pada tahun 1995, projek utama sedia ada adalah lebih menyeluruh dari segi sektor dan lokasi geografi, yang meliputi kawasan di luar Lembah Klang (lihat Jadual 1). Pertumbuhan yang kukuh ini dicerminkan oleh pembiayaan berkaitan pembinaan, serta aktiviti jualan dan pengeluaran perkilangan yang lebih tinggi pada tahun 2012 (lihat Jadual 2).

Pertumbuhan dalam sektor ini juga disumbangkan oleh subsektor kediaman dan bukan kediaman. Prestasi subsektor kediaman disokong oleh pembinaan harta tanah mewah di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor, berikutan pelancaran harta tanah yang lebih banyak pada tahun 2010 dan 2011 (lihat Jadual 2). Projek perindustrian di Kawasan Perindustrian Samalaju, projek pelancongan di Iskandar, dan projek komersial di Lembah Klang menyokong pertumbuhan subsektor bukan kediaman. Pembinaan institusi pengajian dan kesihatan, seperti kampus Universiti Teknologi Mara dan Institut Kanser Negara, turut memberikan dorongan tambahan kepada subsektor ini.

Jadual 1

Senarai Projek Kejuruteraan Awam Utama Terpilih

Sektor	Projek	Lokasi
Pengangkutan	MRT (Sungai Buloh–Kajang)	Lembah Klang
	Lanjutan LRT	Lembah Klang
	KLIA2	Lembah Klang
	Jambatan Kedua Pulau Pinang	Pulau Pinang
	Landasan Berkembar Seremban-Gemas	Negeri Sembilan
	Program Jalan Luar Bandar	Pelbagai negeri
Utiliti	Loji Kuasa Janamanjung	Perak
	Loji Kuasa Tanjung Bin	Johor
	Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor[1]	Pahang & Selangor
Minyak dan Gas	Terminal Regasifikasi LNG Melaka	Melaka
	Talian Paip Gas Sabah-Sarawak	Sabah & Sarawak
	Terminal Minyak dan Gas Sabah	Sabah
	Projek Laut Dalam Gumusut-Kakap	Sabah

[1] Tidak termasuk Loji Rawatan Air Langat 2

Sumber: Aliran berita dan Bajet 2012

Jadual 2

Nilai ditambah dan Penunjuk Terpilih bagi Sektor Pembinaan

Perubahan tahunan (%)	2008	2009	2010	2011	2012
Nilai ditambah	4.4	6.2	6.0	4.6	18.5
Pinjaman yang dikeluarkan untuk sektor pembinaan	6.8	16.6	5.5	5.4	20.7
Pengeluaran perindustrian					
Bahan lain daripada konkrit, simen dan plaster	*9.5*	*-2.7*	*-7.0*	*5.5*	*6.7*
Tanah liat dan seramik berstruktur bukan refraktori	*-2.1*	*-14.4*	*2.7*	*-4.5*	*5.1*
Jualan perkilangan					
Penempaan, penekanan, penghentakan dan pembentukan gelekan logam	*10.6*	*-22.7*	*5.6*	*-0.1*	*15.6*
Rawatan dan penyalutan logam dan pemesinan[1]	*10.2*	*57.6*	*-19.6*	*-18.4*	*6.6*
Pelancaran unit kediaman baharu	-3.4	1.3	11.7	7.1	-11.2[2]

[1] Termasuk pembersihan, pengimpalan dan pemotongan logam, peletusan pasir dan penggerudian
[2] S1-S3 2012 (awalan)

Sumber: Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

(KLIA2), pemodenan kumpulan pesawat, penyambungan laluan Transit Aliran Ringan dan pembelian kelengkapan untuk meningkatkan perkhidmatan rel bandar merupakan bidang pelaburan yang utama dalam subsektor pengangkutan. Pelaburan dalam subsektor utiliti dan telekomunikasi termasuk pembinaan loji janakuasa dan infrastruktur untuk meluaskan liputan jaringan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB). Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan dalam sektor ekonomi telah disalurkan terutamanya untuk pengangkutan, utiliti awam dan perdagangan serta industri (khususnya untuk menaik taraf kemudahan infrastruktur di kawasan perindustrian). Dalam sektor perkhidmatan sosial, pelaburan tertumpu terutamanya pada pendidikan dan kesihatan.

Secara keseluruhan, pertumbuhan PMTK adalah menyeluruh, dengan pertumbuhan pelaburan yang lebih tinggi dalam struktur serta jentera dan kelengkapan (masing-masing menyumbang sebanyak (46.5% dan 45% kepada PMTK). Pelaburan dalam struktur mencatat pertumbuhan pesat sebanyak 27.2% pada tahun 2012 (2011: 4.9%), dan meliputi semua segmen pembinaan, iaitu kejuruteraan awam, kediaman dan bukan kediaman.

Selain itu, perbelanjaan modal dalam jentera dan kelengkapan meningkat sebanyak 15.5% pada tahun 2012 (2011: 4.2%), seperti yang dicerminkan oleh peningkatan dalam import barangan modal. Import barangan modal berkembang sebanyak 20.5% pada tahun 2012 (2011: 8.7%), disokong oleh import jentera untuk perkilangan (2012: 22.3%; 2011: 3.3%), kelengkapan telekomunikasi (2012: 16.4%; 2011: 12.3%), kelengkapan perlombongan dan pembinaan (2012: 20.5%; 2011: 35.2%) dan kelengkapan pengangkutan (2012: 43.1%; 2011: 14.9%).

Meskipun persekitaran luar lebih buruk, pelaburan langsung asing terus mencatat aliran masuk bersih yang agak besar. Aliran masuk itu adalah menyeluruh, dan disalurkan ke dalam sektor berorientasikan dalam negeri dan berorientasikan eksport. Sepanjang tahun itu, aktiviti penggabungan dan pengambilalihan syarikat Malaysia oleh syarikat multinasional juga berkurang disebabkan oleh ketidaktentuan dalam prospek pertumbuhan global. Yang penting, terdapat aliran masuk yang ketara dalam bidang pertumbuhan yang tinggi, seperti sektor minyak dan gas serta subsektor perkhidmatan telekomunikasi. Sebahagian daripada dana juga disediakan untuk projek di bawah ETP.

Penggunaan swasta bertambah kukuh, disokong pertumbuhan pendapatan, bayaran pindahan Kerajaan dan keadaan pembiayaan yang menyokong aktiviti penggunaan

Penggunaan swasta mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 7.7% pada tahun 2012 (2011: 7.1%). Prestasi yang kukuh ini disebabkan oleh tiga faktor utama. Pertama, pertumbuhan pendapatan yang menggalakkan dalam keadaan pasaran pekerja yang stabil pada tahun itu. Kadar pengangguran yang rendah (3%; 2011: 3.1%) serta permintaan terhadap pekerja yang tinggi telah mendorong pertumbuhan upah nominal yang lebih tinggi dalam sektor swasta (rencana maklumat: Keadaan Pasaran Pekerja yang Stabil). Penjawat awam dan pesara juga menerima pendapatan yang lebih tinggi di bawah Skim Saraan Malaysia (SSM) yang lebih baik. Walau bagaimanapun, pendapatan di kawasan luar bandar menghadapi tekanan menurun disebabkan oleh penurunan harga getah dan minyak sawit masing-masing sebanyak 29.3% (2011: +30.9%) dan 13% (2011: +21.1%). Walau bagaimanapun, bagi peneroka FELDA, penurunan ini sebahagiannya dapat diimbangi melalui pembayaran sebanyak RM15,000, yang telah dibayar dalam tiga fasa kepada setiap peneroka FELDA, bersempena dengan penyenaraian FELDA Global Ventures Holdings. Jumlah keseluruhan pembayaran ialah sebanyak RM1.7 bilion.

Kedua, penggunaan swasta memperoleh manfaat daripada bayaran pindahan Kerajaan kepada isi rumah yang berpendapatan rendah dan sederhana sepanjang tahun itu. Manfaat ini termasuk Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) serta bantuan persekolahan untuk pelajar sekolah rendah dan menengah. Sasaran bayaran pindahan pendapatan ini memberikan kesan yang agak besar terhadap agregat penggunaan swasta,

Keadaan Pasaran Pekerja Stabil

Pertumbuhan guna tenaga meningkat pada 3.6% pada tahun 2012 (2011: 3.2%), dengan tambahan bersih seramai 438,800 pekerja. Kebanyakan penambahan dalam guna tenaga dicatatkan dalam sektor perkhidmatan dan pertanian. Kadar pengangguran menurun sedikit kepada 3% (2011: 3.1%).

Jumlah pemberhentian pekerja meningkat kepada 11,494 orang daripada 9,450 pada tahun sebelumnya, disebabkan terutamanya oleh pemberhentian pekerja yang lebih tinggi dalam sektor perkilangan (7,616 orang; 2011: 5,635 orang). Walau bagaimanapun, sektor pertanian dan perkhidmatan mencatat pemberhentian pekerja yang lebih rendah pada tahun itu.

Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia, gaji nominal purata dalam sektor swasta meningkat sebanyak 5% pada tahun 2012 (2011: 4%), dengan kenaikan gaji purata sebanyak 3.4% dan 5.4% masing-masing dalam sektor perkilangan dan bukan perkilangan (2011: 2.2% dan 4.5% masing-masing). Kenaikan gaji untuk eksekutif meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 5.2% (2011: 3.7%). Bukan eksekutif juga menerima kenaikan gaji yang lebih tinggi sebanyak 4.7% (2011: 3.9%).

Rajah 1

Pemberhentian Pekerja Mengikut Sektor



Nota: Lain-lain merujuk kepada sektor pertanian, perlombongan dan pembinaan

Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Pada akhir tahun 2012, bilangan pekerja asing yang berdaftar[1] di Malaysia menurun sedikit kepada 1,571,589 pekerja (akhir tahun 2011: 1,573,061 pekerja). Pekerja asing mencakupi 12.4% daripada guna tenaga di Malaysia, dan kebanyakannya bekerja dalam sektor perkilangan (39%), pertanian (29%) dan pembinaan (14%).

Jadual 1

Penunjuk Pasaran Pekerja Terpilih

	2008	2009	2010	2011	2012
Guna tenaga ('000 orang)	10,659.2	10,899.0	11,899.5	12,284.4	12,723.2
Tenaga kerja ('000 orang)	11,028.1	11,315.3	12,303.9	12,675.8	13,119.6
Kadar pengangguran (% daripada tenaga kerja)	3.3	3.7	3.3	3.1	3.0
Pemberhentian pekerja (bil. orang)	16,469	25,064	7,085	9,450	11,494

Nota: Mulai tahun 2010, data guna tenaga dan tenaga kerja adalah berdasarkan anggaran penduduk yang baharu dan tidak boleh dibandingkan secara langsung dengan data tahun-tahun sebelumnya

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Sumber Manusia

[1] Tidak termasuk ekspatriat dan pekerja asing yang telah disahkan di bawah Program 6P.

kerana isi rumah yang memperoleh manfaat secara amnya mempunyai kecenderungan mengguna sut yang secara relatif tinggi (rencana kotak: Variasi dalam Kecenderungan Mengguna Isi Rumah merentas Segmen Pendapatan).

Akhir sekali, keadaan pembiayaan terus menyokong perbelanjaan pengguna pada tahun 2012, dengan kadar pinjaman purata (ALR) bagi pinjaman baharu kepada isi rumah menurun kepada 4.6% (2011: 4.8%). Walaupun isi rumah tertakluk kepada kriteria yang lebih ketat untuk permohonan pinjaman berikutan pengenalan Garis Panduan Amalan Pembiayaan Bertanggungjawab yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2012, isi rumah dengan kedudukan kredit yang baik terus mempunyai akses kepada pembiayaan. Jumlah pembiayaan daripada bank kepada sektor isi rumah meningkat sebanyak 11.6% pada tahun 2012 (2011: 12.9%).

Penggunaan awam mencatat peningkatan yang lebih sederhana sebanyak 5% pada tahun 2012, disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan bagi bekalan dan perkhidmatan yang menjadi sederhana dengan ketara apabila Kerajaan terus melaksanakan konsolidasi fiskal. Perbelanjaan bagi emolumen kekal tinggi disebabkan oleh kenaikan gaji yang lebih tinggi dan pembayaran bonus kepada kakitangan awam, yang turut menyumbang kepada penggunaan swasta yang mampan sepanjang tahun.

SEKTOR LUAR NEGERI

Sektor luar negeri Malaysia kekal berdaya tahan dalam keadaan ketidakpastian dan cabaran yang berterusan dalam persekitaran ekonomi dan kewangan global. Keseluruhan imbangan pembayaran (BOP) kekal kukuh. Lebihan akaun semasa adalah lebih daripada mencukupi untuk mengimbangi aliran keluar bersih dalam akaun kewangan. Paras rizab kekal memuaskan, dan lebih daripada mencukupi untuk memenuhi obligasi jangka pendek dan menyediakan penampan terhadap aliran modal jangka pendek yang tidak menentu.

Sektor luar negeri Malaysia kekal berdaya tahan meskipun ketidaktentuan dan cabaran berterusan dalam persekitaran global

Lebihan akaun semasa yang lebih rendah dalam keadaan permintaan luar negeri yang lemah dan peningkatan aktiviti dalam negeri yang kukuh

Lebihan akaun semasa Malaysia yang lebih rendah pada RM60 bilion pada tahun 2012 (2011: RM97.1 bilion) mencerminkan pelarasan kitaran dan struktur yang berlaku dalam ekonomi global dan ekonomi dalam negeri. Perkembangan ini boleh dinilai dari dua perspektif yang saling berkaitan, iaitu dari segi prestasi perdagangan antarabangsa Malaysia dan jurang tabungan-pelaburan negara.

Dari perspektif perdagangan antarabangsa, lebihan akaun semasa yang lebih rendah ini disebabkan terutamanya oleh lebihan barangan yang lebih rendah di samping defisit yang lebih besar dalam akaun perkhidmatan dan pendapatan. Dalam akaun barangan, penurunan dalam eksport kasar disebabkan oleh permintaan luar negeri yang lemah dan harga komoditi yang lebih rendah. Walaupun permintaan terhadap barangan perkilangan daripada ekonomi maju adalah lemah sepanjang tahun, eksport keluaran bukan E&E telah disokong oleh permintaan serantau yang teguh, terutamanya pada separuh pertama tahun itu. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi di rantau ini yang lebih perlahan pada separuh tahun kedua menyebabkan permintaan menjadi sederhana untuk keluaran bukan E&E dan komoditi. Permintaan yang lebih rendah terhadap keluaran bukan E&E dan komoditi diburukkan lagi oleh penurunan dalam harga komoditi utama, terutamanya minyak sawit mentah dan gas asli. Sebaliknya, eksport keluaran E&E mencatat penguncupan yang lebih kecil, ekoran pengeluaran E&E yang kembali normal, selepas mengalami gangguan bekalan disebabkan oleh banjir teruk yang melanda Thailand pada tahun 2011.

Pertumbuhan import barangan modal dan penggunaan adalah kukuh berikutan permintaan dalam negeri yang bertambah baik. Secara khususnya, pertumbuhan yang kukuh dalam aktiviti pelaburan dalam negeri mendorong kepada peningkatan yang ketara dalam import jentera, kelengkapan telekomunikasi dan pesawat penumpang. Kekukuhan aktiviti perbelanjaan pengguna mencerminkan pertumbuhan yang terus kukuh dalam import barangan penggunaan, khususnya import barangan pengguna tahan lama dan separa tahan lama. Walau bagaimanapun, import barangan pengantaraan yang

Jadual 1.7

Imbangan Pembayaran

Butiran	2011			2012*a*		
	+	-	Bersih	+	-	Bersih
	RM bilion					
Barangan	696.6	548.5	148.1	702.9	577.7	125.2
Perkhidmatan	110.1	118.1	-8.0	117.1	130.5	-13.4
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**806.7**	**666.6**	**140.1**	**820.0**	**708.2**	**111.9**
Pendapatan	52.4	74.4	-22.0	42.3	76.0	-33.7
Pindahan semasa	4.7	25.6	-21.0	6.9	25.1	-18.2
Imbangan akaun semasa	**863.8**	**766.7**	**97.1**	**869.2**	**809.2**	**60.0**
% daripada PNK			**11.3**			**6.6**
Akaun modal			-0.2			0.1
Akaun kewangan			22.3			-22.5
Pelaburan langsung			-10.1			-21.9
Di Luar Negeri			*-46.7*			*-51.0*
Di Malaysia			*36.6*			*29.1*
Pelaburan portfolio			25.8			59.2
Derivatif kewangan			-0.1			0.9
Pelaburan lain			6.6			-60.7
Imbangan akaun modal dan kewangan			**22.1**			**-22.5**
Kesilapan dan ketinggalan			-24.5			-33.6
antaranya:						
Penambahan (+) atau pengurangan (-) nilai rizab hasil daripada penilaian semula pertukaran asing			*7.6*			*-7.7*
Kesilapan dan ketinggalan bersih % daripada jumlah perdagangan			*-2.6*			*-2.0*
Imbangan keseluruhan			**94.7**			**3.9**
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih			**423.3**			**427.2**
Nilai bersamaan dengan USD bilion			**133.6**			**139.7**

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.7

Imbangan Pembayaran



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

kebanyakannya digunakan sebagai input untuk eksport perkilangan menguncup.

Akaun perkhidmatan mencatat defisit yang lebih besar disebabkan terutamanya oleh defisit yang lebih tinggi dalam akaun pengangkutan dan penerimaan bersih yang lebih rendah daripada akaun perjalanan. Kemerosotan yang lebih besar dalam akaun pengangkutan mencerminkan pembayaran yang lebih tinggi untuk perkhidmatan pengangkutan yang diimport, sejajar dengan pertumbuhan import yang kukuh. Pendapatan daripada pelancongan lebih rendah pada tahun 2012 disebabkan ketibaan pelancong ke Malaysia yang meningkat pada kadar yang lebih sederhana, mencerminkan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam ekonomi serantau.

Defisit yang lebih besar dalam akaun pendapatan mencerminkan pendapatan lebih tinggi yang

Rajah 1.8

Akaun Semasa



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.9

Prestasi Eksport Komoditi



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

terakru kepada syarikat asing di Malaysia, terutamanya dalam sektor perkilangan dan perlombongan, serta subsektor perkhidmatan kewangan. Sementara itu, pendapatan terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri lebih rendah pada tahun 2012, berikutan ketidaktentuan global yang meningkat serta harga komoditi yang lebih rendah.

Lebihan akaun semasa yang lebih rendah juga mencerminkan lebihan tabungan negara yang lebih rendah berbanding dengan perbelanjaan pelaburan dalam negeri. Tabungan sektor awam meningkat sebanyak 10.1% kepada RM71.2 bilion atau 7.9% daripada pendapatan negara kasar (7.5% daripada pendapatan negara kasar (PNK) pada tahun 2011). Sementara itu, tabungan sektor swasta menurun sebanyak 5.3% kepada RM227.5 bilion atau 25.2% daripada PNK pada tahun 2012 (2011: RM240.2 bilion atau 28%). Secara keseluruhan, tabungan negara kasar (TNK) menurun sebanyak 2% kepada RM298.7 bilion pada tahun 2012. Walau bagaimanapun, nisbah TNK kepada PNK kekal tinggi pada 33% (2011: 35.5%). Memandangkan penurunan dalam TNK dan kadar pertumbuhan pelaburan dalam negeri kasar yang lebih cepat, lebihan

Rajah 1.10

Prestasi Eksport Produk Elektronik & Elektrik (E&E) dan Bukan E&E



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 1.11

Import mengikut Kategori



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 1.12

Tabungan Negara Kasar dan Jurang Tabungan-Pelaburan



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Kementerian Kewangan Malaysia

Rajah 1.13

Aliran Masuk Pelaburan Langsung Asing Kasar Mengikut Sektor



* Merujuk kepada sektor pertanian dan pembinaan
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

tabungan-pelaburan telah menurun kepada RM60 bilion atau 6.6% daripada PNK pada tahun 2012 (2011: RM97.1 bilion atau 11.3%).

Aliran modal dua hala berterusan

Dalam keadaan mudah tunai global yang berlebihan, Malaysia terus mencatat aliran kewangan dua hala pada tahun 2012, dengan aliran masuk dana asing tertumpu pada prospek pertumbuhan negara yang berdaya tahan. Aliran masuk ini hampir keseluruhannya diimbangi oleh aliran keluar daripada pemastautin. Ini mencerminkan minat yang semakin meningkat dan keupayaan institusi kewangan dan syarikat dalam negeri yang semakin bertambah untuk mengembangkan operasi mereka di seluruh rantau dan dunia dengan memperoleh aset asing dan mempelbagaikan pelaburan mereka di luar negeri.

Aliran masuk FDI dan dana portfolio berterusan dalam keadaan aliran keluar DIA yang lebih tinggi

Pelaburan langsung asing (FDI) terus mencatat aliran masuk bersih yang agak besar sebanyak RM29.1 bilion atau 3.1% daripada KDNK (2011: RM36.6 billion) pada tahun 2012. Aliran masuk FDI ini kebanyakannya adalah dalam bentuk pelaburan modal ekuiti dan keberuntungan korporat yang lebih tinggi pada tahun itu. Perolehan yang agak besar disimpan oleh syarikat multinasional untuk dilaburkan semula ke dalam ekonomi dalam negeri. Walau bagaimanapun, aliran masuk FDI yang agak sederhana dicatat oleh sektor berorientasikan eksport dan sektor lain yang berkait secara langsung dengan permintaan luar negeri, berikutan ketidakpastian yang meningkat dalam persekitaran prospek pertumbuhan global. Sektor perkilangan, khususnya, telah terjejas oleh kelembapan dalam perdagangan global, kerana integrasinya yang rapat dengan rangkaian rantaian bekalan serantau. Pelaburan langsung asing yang di salurkan ke dalam subsektor kewangan dan insurans turut menjadi sederhana, mencerminkan ketidaktentuan yang dialami dalam pasaran kewangan global. Walau bagaimanapun, aliran masuk ke dalam sektor minyak dan gas serta subsektor komunikasi mencatat peningkatan, berikutan pelaksanaan projek ETP yang berjalan lancar dan aliran masuk yang berterusan ke dalam sektor berkaitan pengguna. Profil aliran masuk FDI yang pelbagai telah membantu membendung dedahan Malaysia terhadap risiko luaran. Walaupun sektor perkilangan yang berorientasikan eksport terus menjadi penerima terbesar FDI (58% daripada aliran masuk FDI kasar), namun sektor perlombongan meningkatkan bahagiannya dalam aliran masuk FDI kepada 13%. Sektor perkhidmatan menerima 28% daripada aliran masuk kasar FDI pada tahun 2012.

Selepas melalui tempoh aliran keluar yang ketara pada separuh kedua tahun 2011, aliran dana

Imbangan Akaun Semasa di Malaysia: Perkembangan Terkini dan Prospek

Pendahuluan

Sejak dilanda krisis kewangan Asia, imbangan akaun semasa Malaysia telah mencatat lebihan secara konsisten. Eksport barangan telah mengatasi import, dan lebih daripada mengimbangi defisit dalam akaun perkhidmatan dan pendapatan. Prestasi kukuh eksport Malaysia sebahagian besarnya disebabkan oleh pempelbagaian produk yang meluas dan pengembangan perdagangan dalam pasaran baharu. Secara khusus, eksport komoditi, yang mempunyai kandungan import yang rendah memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pertambahan lebihan akaun semasa. Sejajar dengan kenaikan harga komoditi pada tahun 2008, lebihan akaun semasa mencatat paras tertinggi pada 17.6% daripada PNK pada tahun tersebut. Namun, Krisis Kewangan Global (Global Financial Crisis, GFC), menandakan permulaan trend yang lebih sederhana dalam lebihan akaun semasa (Rajah 1). Permintaan global yang lebih lembap dan harga komoditi yang lebih rendah menyebabkan eksport Malaysia menurun beberapa tahun kebelakangan ini. Import sebaliknya meningkat dengan ketara, didorong oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh. Hasil daripada trend tersebut ialah lebihan simpanan-pelaburan yang lebih kecil.

Rajah 1

Imbangan Akaun Semasa Lebih Kecil Selepas Lebih Sedekad Mencatat Lebihan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Meskipun imbangan akaun semasa mencerminkan lebihan eksport berbanding dengan import, namun imbangan ini turut memaparkan lebihan simpanan-pelaburan dalam sesebuah ekonomi. Dalam kata lain, imbangan akaun semasa boleh dinilai dari sudut perdagangan antarabangsa dan juga tingkah laku simpanan-pelaburan dalam ekonomi. Dalam ekonomi tertutup, aktiviti pelaburan dibiayai oleh simpanan dalam negeri sahaja. Walau bagaimanapun, dalam ekonomi terbuka seperti Malaysia, aktiviti pelaburan boleh dibiayai melalui simpanan dalam negeri atau luar negeri. Jika sesebuah ekonomi lebih banyak menyimpan daripada melabur, ekonomi itu akan mencatat lebihan akaun semasa. Simpanan lebihan ini boleh digunakan untuk mengumpul rizab yang berfungsi sebagai penampan terhadap ketidaktentuan luar atau disalurkan ke luar negeri untuk membiayai aktiviti penggunaan dan pelaburan ekonomi lain, sama ada dalam bentuk pemberian pinjaman atau pelaburan di luar negeri. Defisit akaun semasa sebaliknya menandakan bahawa sesebuah ekonomi lebih banyak melabur daripada menyimpan. Dalam hal ini, ekonomi tersebut sama ada akan meminjam dana dari luar negeri atau menerima aliran masuk pelaburan asing untuk membiayai keperluan penggunaan dan pelaburan dalam negerinya.

Rencana ini mengupas trend lebihan akaun semasa yang semakin mengecil dari dua perspektif yang berkait rapat, iaitu perdagangan antarabangsa dan kedudukan simpanan-pelaburan.

I. Perspektif Perdagangan Antarabangsa

Dari aspek perdagangan antarabangsa, perkembangan dalam imbangan akaun semasa boleh dinilai dari segi perubahan dalam eksport serta import barangan dan perkhidmatan, dan juga imbangan bersih pendapatan dan pemindahan semasa. Di Malaysia, lebihan akaun semasa didorong terutamanya oleh lebihan dalam akaun barangan, manakala komponen lain kekal dalam defisit[1] (Rajah 2).

[1] Dalam tempoh 2007-2010, akaun perkhidmatan mencatat lebihan yang kecil.

Rajah 2

Lebihan Akaun Semasa Lebih Kecil Disebabkan Terutamanya oleh Lebihan Barangan yang Lebih Rendah



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 3

Eksport Barangan Perkilangan Mencakupi Sebahagian Besar Eksport Kasar



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lebihan barangan meningkat dengan ketara berikutan krisis kewangan Asia apabila pertumbuhan import menjadi perlahan susulan kemerosotan yang besar dalam aktiviti pelaburan dalam negeri. Pada masa yang sama, eksport kasar terus berkembang[2], disokong oleh pempelbagaian produk dan pasaran eksport. Walau bagaimanapun, selepas GFC, eksport Malaysia berkembang pada kadar lebih sederhana. Ekonomi global yang lemah menyebabkan permintaan terhadap eksport barangan perkilangan dan komoditi Malaysia menurun (masing-masing 74% dan 24% bahagian daripada eksport kasar, Rajah 3) dan diburukkan lagi oleh harga komoditi yang lebih rendah.

Sebaliknya, dalam keadaan permintaan dalam negeri yang lebih kukuh, import terus meningkat sejak tahun 2009 (Rajah 4), disebabkan terutamanya oleh import barangan modal dan penggunaan (masing-masing 16% dan 8% bahagian import kasar). Seiring dengan aktiviti pelaburan sektor swasta dan juga sektor awam yang meningkat, import modal naik pada kadar tahunan purata 13.8% dalam tempoh 2010-2012. Import barangan penggunaan turut meningkat pada kadar purata 13.4% dalam tempoh yang sama, disokong oleh penggunaan dalam negeri yang lebih kukuh. Penambahan nilai ringgit juga menyumbang kepada peningkatan ini, walaupun pada tahap lebih kecil. Import barangan

Rajah 4

Pertumbuhan Import Telah Mengatasi Eksport pada Sejak Beberapa Tahun Kebelakangan Ini



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 5

Import Barangan Pengantara Mencakupi 61% daripada Import Kasar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

[2] Eksport kasar berkembang pada kadar purata tahunan 8.7% dalam tempoh 2000-2008.

Rajah 6

Lebihan Akaun Semasa Lebih Kecil apabila Pelaburan Meningkat dalam Keadaan Tabungan Lebih Rendah



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 7

Sektor Swasta Kekal sebagai Penabung Bersih manakala Sektor Awam Bertukar Menjadi Pelabur Bersih pada Tahun-tahun Kebelakangan Ini



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

pengantara (61% daripada import kasar, Rajah 5) pula mencatat pertumbuhan lebih sederhana, kerana sebahagian besar import tersebut digunakan sebagai input untuk pengeluaran eksport perkilangan. Kaitan rapat antara eksport barangan perkilangan dengan import barangan perantaraan bertindak sebagai penstabil automatik kepada imbangan akaun semasa.

II. Perspektif Jurang Simpanan-Pelaburan

Imbangan akaun semasa juga merupakan hasil daripada keputusan pelaburan dan penggunaan antara-tempoh (inter-temporal) oleh sektor awam dan swasta dalam sesebuah ekonomi. Bagi Malaysia, lebihan akaun semasa yang mampan sejak krisis kewangan Asia mencerminkan kemorosotan yang mendadak dalam pelaburan dalam keadaan paras simpanan yang tinggi serta mampan. Sebaliknya, pada awal tahun 2010, pembentukan modal tetap kasar semakin bertambah. Peningkatan dalam aktiviti pelaburan ini menyebabkan jurang simpanan-pelaburan menjadi lebih kecil (Rajah 6).

Seperti yang dipaparkan dalam Rajah 7, lebihan simpanan-pelaburan Malaysia telah didorong terutamanya oleh sektor swasta, yang sentiasa mencatat lebihan simpanan berbanding dengan pelaburan sejak sedekad yang lalu. Sebelum GFC, lebihan sektor swasta berpunca daripada kadar simpanan yang tinggi dan pertumbuhan pelaburan yang rendah (Rajah 8). Namun, pada tahun 2012, apabila pelaburan semakin kukuh dan simpanan merosot, lebihan simpanan-pelaburan sektor swasta menjadi lebih kecil.

Pelaburan swasta muncul sebagai penyumbang utama pertumbuhan sejak beberapa tahun kebelakangan ini disebabkan keuntungan korporat yang kukuh, penggunaan kapasiti yang tinggi, akses berterusan kepada pembiayaan dan iklim pelaburan yang menggalakkan[3]. Pelaburan yang besar, khususnya, telah dilaksanakan dalam sektor minyak dan gas, infrastruktur, perkilangan

Rajah 8

Tabungan Swasta Menyederhana manakala Pelaburan Swasta Mengembang



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

[3] Untuk perbincangan lanjut, sila rujuk Rencana bertajuk "Pelaburan Swasta di Malaysia: Pemacu dan Kemampanan"

dan perkhidmatan. Pelaburan swasta juga dirangsang oleh pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi, yang menjadi pemangkin kepada pelaburan dalam bidang pertumbuhan baharu, industri bernilai tambah lebih tinggi dan infrastruktur. Yang penting, pertambahan pelaburan swasta dijangka meningkatkan kapasiti produktif Malaysia, menambah kecekapan, dan mendorong pertumbuhan eksport bernilai tambah tinggi pada masa hadapan. Dalam tempoh terdekat ini, pengembangan aktiviti pelaburan dijangka menyebabkan lebihan akaun semasa terus menjadi kecil.

Paras simpanan sektor korporat dan isi rumah yang tinggi berpunca daripada dua faktor utama. Pertama, keuntungan korporat telah bertambah berikutan permintaan luar negeri yang berterusan terhadap produk berasaskan sumber, terutamanya sebelum GFC. Kedua, caruman wajib ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, serta pertumbuhan gaji yang mampan, telah menyokong simpanan isi rumah. Kadar simpanan dijangka terus tinggi pada masa hadapan berikutan pertumbuhan pendapatan yang teguh.

Dalam sektor awam[4], jurang simpanan-pelaburan mencatat lebihan yang kecil, berpurata 3.2% daripada PNK[5], dalam tempoh 2003-2008 (Rajah 9). Lebihan ini berubah menjadi defisit sejak tahun 2009, apabila perbelanjaan awam meningkat dengan ketara selepas dua pakej rangsangan ekonomi diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan yang bertujuan untuk mengurangkan impak kelembapan ekonomi global. Perbelanjaan modal yang berterusan oleh perusahaan awam turut menyumbang kepada peningkatan pelaburan awam. Jurang simpanan-pelaburan sektor awam meningkat pada tahun 2011 dan 2012.

Melangkah ke hadapan, berikutan usaha konsolidasi fiskal Kerajaan melalui rasionalisasi perbelanjaan dan peningkatan pungutan hasil, simpanan Kerajaan Persekutuan dijangka terus teguh. Walau bagaimanapun, lebihan mengurus perusahaan awam akan bergantung terutamanya pada kekukuhan pemulihan ekonomi global dan daya tahan permintaan dalam negeri.

Rajah 9

Tabungan Awam Menurun Manakala Pelaburan Awam Terus Meningkat



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kesimpulan

Lebihan akaun semasa yang menjadi semakin kecil di Malaysia dan beberapa negara Asia lain baru-baru ini adalah sejajar dengan pengimbangan semula persekitaran global yang berterusan, disokong oleh peralihan dalam sumber pertumbuhan ekonomi serantau. Bagi Malaysia, permintaan dalam negeri yang berdaya tahan telah menyokong pertumbuhan import yang teguh, dengan itu mengatasi

[4] Sektor awam merujuk kepada Kerajaan Am dan perusahaan awam.
[5] Sektor awam mencatat defisit 2.2% daripada PNK dalam tempoh 2000-2002.

eksport yang terjejas oleh permintaan luar negeri yang lemah dan harga komoditi yang lebih rendah. Pertumbuhan aktiviti pelaburan yang lebih kukuh dan simpanan yang lebih rendah juga menyebabkan lebihan akaun semasa menjadi lebih kecil.

Melangkah ke hadapan, dalam keadaan pemulihan pertumbuhan global yang sederhana dan pengembangan berterusan dalam permintaan dalam negeri, lebihan akaun semasa Malaysia dijangka menjadi lebih kecil dalam tempoh terdekat. Sebagai ekonomi yang sangat terbuka, perubahan dalam akaun semasa Malaysia, terutamanya eksport, banyak bergantung pada faktor luaran (exogenous) terhadap ekonomi. Di dalam negeri pula, konsolidasi fiskal yang berterusan oleh Kerajaan dijangka menambah simpanan awam, manakala simpanan swasta akan menjadi faktor penentu bagi kekukuhan pengunaan swasta. Dalam jangka masa lebih panjang, perubahan struktur yang berterusan dalam ekonomi menjadi faktor utama yang akan menentukan landasan imbangan akaun semasa Malaysia pada masa hadapan. Pelaburan berterusan dalam bidang pertumbuhan baharu dan industri bernilai tambah tinggi dijangka terus mempelbagaikan eksport Malaysia dan memantapkan bidang yang mempunyai kelebihan berbanding, seterusnya menyokong pertumbuhan eksport dan kemampanan imbangan akaun semasa.

portfolio asing masuk kembali pada tahun 2012, dengan mencatat aliran masuk bersih yang jauh lebih tinggi pada tahun itu (RM59.2 bilion; 2011: RM25.8 bilion). Aliran masuk ini mencerminkan pembelian sekuriti hutang dalam jumlah yang lebih besar, terutamanya bil dan wang kertas Bank Negara serta bon Kerajaan dalam denominasi ringgit. Aliran masuk asing bersih ke dalam ekuiti kekal sederhana.

Meskipun aliran masuk bersih dana portfolio lebih tinggi, namun wujud tahap ketidaktentuan yang lebih ketara dalam aliran ini pada tahun 2012, terutama sekali yang berkaitan dengan krisis hutang yang dihadapi Eropah. Sentimen pasaran sebahagiannya turut menerima kesan daripada perkembangan ekonomi di AS dan China, dalam keadaan ketidakpastian tentang kadar pemulihan ekonomi AS yang lembap dan isu cenuram fiskal (fiscal cliff) serta kebimbangan tentang prospek ekonomi China. Pada suku pertama tahun itu, sentimen pasaran yang bertambah baik menyebabkan aliran masuk modal asing meningkat semula dengan ketara, terutamanya ke dalam sekuriti hutang dalam denominasi ringgit. Namun, pada suku kedua tahun itu, pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih yang kecil ekoran pelupusan sekuriti hutang jangka pendek oleh bukan pemastautin, sebagai tindak balas terhadap sentimen pasaran kewangan yang merosot berikutan wujudnya kebimbangan tentang keteguhan sistem perbankan Sepanyol. Walau bagaimanapun, aliran masuk portfolio kembali kukuh pada separuh tahun kedua apabila sentimen pelabur pulih. Selain prospek pertumbuhan Malaysia yang menggalakkan serta keadaan makroekonomi dan kewangan negara yang kukuh, aliran masuk dana portfolio yang lebih banyak turut didorong oleh pelabur yang terus mencari pulangan lebih tinggi dalam keadaan mudah tunai global yang bertambah berikutan pelonggaran dasar monetari tambahan oleh ekonomi maju. Jangkaan bahawa mata wang serantau akan terus menambah nilai sedikit sebanyak turut menjadi faktor penyumbang kepada aliran masuk modal ini.

Aliran masuk dana daripada bukan pemastautin juga diimbangi oleh aliran keluar dana oleh pemastautin melalui dua saluran utama, iaitu pelaburan langsung luar negeri (direct investment abroad, DIA) dalam jumlah yang lebih besar dan aliran keluar daripada akaun Pelaburan Lain. Aliran keluar DIA berjumlah RM51 bilion pada tahun 2012 (2011: -RM46.7 bilion), mencerminkan terutamanya aliran keluar modal ekuiti yang lebih besar dan pemberian pinjaman kepada syarikat subsidiari di luar negeri. Kebanyakan DIA (60% daripada aliran keluar DIA kasar) dibuat oleh syarikat dalam sektor perkhidmatan, terutamanya subsektor kewangan dan insurans serta perdagangan borong dan runcit. Syarikat dalam sektor minyak dan gas serta sektor perkilangan terus menjadi penyumbang utama DIA. Berbanding dengan trendnya yang stabil sebelum ini, DIA yang secara relatifnya lebih besar ini disebabkan terutamanya oleh bayaran pengambilalihan strategik dalam syarikat tenaga yang berpusat di Kanada oleh firma minyak dan gas dalam

Rajah 1.14

Pelaburan Portfolio



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 1.15

Aliran Keluar Pelaburan Langsung Luar Negeri Kasar mengikut Sektor



* Merujuk kepada sektor pertanian dan pembinaan
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

negeri. Keberuntungan DIA syarikat ini pada tahun 2012 adalah agak besar, memandangkan sebahagian besar pelaburan dibuat dalam ekonomi sedang pesat membangun di Asia, yang pertumbuhan ekonomi dan aktiviti perniagaannya kekal berdaya tahan.

Aliran keluar daripada Pelaburan Lain menggambarkan terutamanya aliran keluar yang disebabkan oleh pemberian bersih kredit perdagangan yang berterusan. Kedudukan kewangan yang secara relatif lebih kukuh membolehkan pengeksport Malaysia terus memberikan kredit perdagangan kepada rakan niaga mereka di luar negeri dalam keadaan persekitaran global yang lemah. Selain itu, terdapat aliran keluar yang agak besar apabila perbankan domestik menyimpan aset di luar negeri dengan rakan niaga asing mereka. Ini mencerminkan strategi pengurusan aset-liabiliti dan mudah tunai bank, dalam keadaan persekitaran mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem kewangan domestik.

Rizab antarabangsa terus meningkat dan menjadi penampan yang mencukupi untuk menghadapi kejutan luaran

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat sebanyak RM3.9 bilion kepada RM427.2 bilion (bersamaan dengan USD139.7 bilion) pada 31 Disember 2012. Peningkatan ini mencerminkan lebihan akaun semasa yang berterusan, yang lebih daripada mengimbangi aliran keluar modal bersih. Peningkatan ini turut mengambil kira pengurangan nilai rizab secara kumulatif yang belum direalisasikan disebabkan oleh penilaian semula pertukaran asing sebanyak RM7.7 bilion, berikutan pengukuhan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama dan mata wang serantau yang terpilih pada tahun 2012.

Pada 28 Februari 2013, rizab berjumlah RM429 bilion (bersamaan dengan USD140.3 bilion), memadai untuk membiayai 9.5 bulan import tertangguh dan ialah 4.6 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Hutang luar negeri menurun

Hutang luar negeri Malaysia menurun kepada RM252.8 bilion (USD81.7 bilion) pada akhir tahun 2012 (2011: RM257.4 bilion), bersamaan dengan 28% daripada PNK (2011: 30% daripada PNK). Pada tahun itu, hutang jangka sederhana dan jangka panjang sektor swasta meningkat. Walau bagaimanapun, peningkatan ini diimbangi sebahagian besarnya oleh pembayaran balik bersih hutang jangka sederhana dan jangka panjang sektor awam dan pembayaran balik bersih peminjaman antara bank jangka pendek. Pengukuhan nilai ringgit berbanding dengan beberapa mata wang utama pada tahun itu juga menyumbang kepada penurunan hutang luar negeri dalam nilai ringgit.

Secara keseluruhan, profil hutang luar negeri Malaysia terus tertumpu pada struktur tempoh matang yang lebih panjang, dengan hutang jangka sederhana dan panjang mencakupi 63.2% daripada jumlah hutang luar negeri. Nisbah khidmat bayaran hutang kekal terurus pada 10.2% daripada eksport barangan dan perkhidmatan. Di samping itu, kira-kira dua pertiga daripada peminjaman sektor swasta diperoleh daripada pemegang saham luar pesisir, syarikat induk dan syarikat bersekutu dalam bentuk pinjaman antara syarikat. Pinjaman ini

Jadual 1.8

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2011	2012*a*	2011	2012*a*
	RM bilion	RM bilion	USD bilion	USD bilion
Jumlah hutang	**257.4**	**252.8**	**80.4**	**81.7**
Jangka sederhana dan panjang	153.5	159.8	48.0	51.7
Jangka pendek[1]	103.9	93.0	32.4	30.1
% daripada jumlah hutang	*40.4*	*36.8*		
% daripada rizab antarabangsa bersih	*24.5*	*21.8*		
% daripada PNK				
Jumlah hutang	30.0	28.0		
Hutang jangka sederhana dan panjang	17.9	17.7		
% daripada eksport barangan dan perkhidmatan				
Jumlah hutang	31.9	30.8		
Hutang jangka sederhana dan panjang	19.0	19.5		
Nisbah khidmat bayaran hutang (%)[2]	**10.3**	**10.2**		

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[2] Termasuk prabayaran hutang jangka serderhana dan panjang
a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Perubahan dalam Pemacu Pertumbuhan Ekonomi di Malaysia

Pengenalan

Malaysia telah mencatat pertumbuhan kukuh yang berterusan sejak tiga dekad yang lalu, dengan peningkatan pada kadar tahunan purata 5.8%. Prestasi pertumbuhan yang berterusan ini diiringi oleh peralihan struktur yang ketara dalam ekonomi, mencerminkan transformasi ekonomi Malaysia dalam keadaan persekitaran global dan dalam negeri yang berubah-ubah. Daripada pengeluar komoditi utama yang kemudiannya diikuti dengan strategi perindustrian yang beransur-ansur, ekonomi Malaysia telah melalui transformasi kepada ekonomi yang sangat terbuka menerusi integrasi perdagangan dan kewangan yang lebih luas sejak akhir tahun 1970-an. Hasilnya, keterbukaan perdagangan Malaysia adalah antara yang tertinggi di rantau ini, mencapai paras tertinggi sebanyak 192% daripada KDNK pada tahun 2000. Namun, sejak akhir-akhir ini, permintaan dalam negeri yang semakin kukuh telah menjadi pemacu utama pertumbuhan, sekali gus menyokong daya tahan ekonomi yang berterusan meskipun menghadapi persekitaran luaran yang mencabar.

Artikel ini bertujuan menghuraikan perubahan struktur ekonomi Malaysia dari aspek pemacu pertumbuhan ekonomi. Analisis ini mempamerkan bukti kuantitatif bahawa walaupun Malaysia kekal sebagai sebuah ekonomi yang sangat terbuka, permintaan dalam negeri telah menjadi pemacu pertumbuhan yang semakin penting dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Keadaan ini seterusnya mendorong perubahan struktur dalam ekonomi, dengan pertumbuhan yang lebih kukuh serta pewujudan peluang pekerjaan yang lebih banyak dalam industri berorientasikan dalam negeri.

Metodologi: Suatu Pendekatan Alternatif untuk Menganggarkan Sumbangan Kepada Pertumbuhan

Permintaan dalam ekonomi wujud dalam dua bentuk: Permintaan dalam negeri (penggunaan swasta, penggunaan awam dan pelaburan) dan permintaan luar negeri (eksport). Import, sebaliknya, merupakan kebocoran daripada ekonomi. Sebagai contoh, barangan yang digunakan di dalam negeri boleh diimport terus atau dikeluarkan dalam negeri tetapi terdapat kandungan import yang digunakan dalam pengeluarannya (Rajah 1). Import ini memenuhi permintaan dalam negeri tetapi tidak menyumbang kepada nilai ditambah oleh industri dalam negeri. Permintaan dalam negeri dan eksport mengandungi tahap kandungan import yang pelbagai dan harus ditolak daripada setiap komponen permintaan untuk lebih memahami sumbangan bersihnya kepada ekonomi.

Rajah 1

Penggunaan Akhir Import



Dalam menentukan sumber pertumbuhan, kaedah yang mudah dan konvensional adalah dengan menggunakan penggunaan swasta, pelaburan, penggunaan awam serta eksport bersih sebagai bahagian kepada KDNK. Kelebihan pendekatan ini adalah kerana ia ringkas dan eksport bersih pula menunjukkan terus sumbangan bersih perdagangan asing kepada pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, kekurangan kaedah ini adalah ia tidak mewakili sumbangan sebenar permintaan dalam dan luar negeri secara relatif dalam memacu pertumbuhan. Import untuk memenuhi

Rajah 2

Perbandingan antara KDNK Terlaras Import Mengikut Komponen Perbelanjaan dengan Kaedah Konvensional



* Ditolak import

C= penggunaan swasta, G= penggunaan awam, I= pelaburan, X= eksport, M= jumlah import, m_C= import untuk C, m_G= import untuk G, m_I= import untuk I, and m_X= import untuk X

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

permintaan dalam negeri tidak ditolak daripada permintaan dalam negeri, lantas menyebabkan anggaran impak sebenar permintaan dalam negeri terhadap nilai ditambah industri dalam negeri dinyatakan secara berlebih-lebihan.

Untuk anggaran kesan bersih setiap komponen permintaan terhadap nilai ditambah yang lebih tepat, kandungan yang diimport daripada setiap komponen permintaan perlu diasingkan. Pada dasarnya, ini dapat dilakukan dengan mengasingkan jumlah import mengikut keperluan komponen perbelanjaan. Teknik struktur pengeluaran terkumpul input-output[1] (input-output cumulative production structure, CPS) menganggarkan kandungan import barangan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan setiap komponen permintaan akhir bagi ekonomi. Sumbangan bersih setiap komponen permintaan kepada KDNK keseluruhan dianggar menggunakan perbezaan antara komponen tertentu dalam permintaan akhir dan kandungan import yang digunakan oleh setiap komponen tersebut. Sebagai contoh, sumbangan bersih penggunaan swasta kepada KDNK ialah penggunaan swasta tolak import akhir barangan penggunaan dan import barangan pengantara yang digunakan oleh firma dalam negeri untuk menghasilkan barangan dan perkhidmatan yang digunakan untuk penggunaan swasta. Rajah 2 membandingkan kaedah konvensional dan kaedah terlaras import, yang menunjukkan perbezaan dalam interpretasi peranan permintaan dalam negeri apabila setiap kaedah digunakan.

Dapatan: Transformasi Ekonomi Malaysia

1970-an hingga awal 2000-an: Ke arah ekonomi yang lebih berorientasikan eksport

Dengan menggunakan kaedah terlaras import bagi setiap komponen permintaan dalam ekonomi[2], terdapat penunjuk yang jelas bahawa dalam tempoh tiga dekad, ekonomi Malaysia telah menjadi semakin terbuka. Rajah 3 menunjukkan perubahan sumbangan bersih bagi setiap komponen permintaan kepada KDNK sejak tahun 1978. Sumbangan bersih eksport kepada KDNK hampir dua kali

[1] Klein, 1983.
[2] Menggunakan jadual Input-Output yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan untuk tahun 1978, 1991 dan 2005.

ganda daripada 36% pada tahun 1978 kepada 61% pada tahun 2005. Ini bermakna, menjelang tahun 2005, permintaan luar negeri menyumbang 61% kepada nilai ditambah dalam negeri yang dijana dalam ekonomi. Keterbukaan yang semakin meningkat ini menunjukkan ekonomi Malaysia lebih bergantung pada permintaan antarabangsa pada tahun 2005 berbanding dengan tahun 1970-an.

Rajah 3

Perubahan KDNK Malaysia Mengikut Komponen Terlaras Import

(% bahagian kepada KDNK pada tahun 2012)



* Ditolak Import

a Anggaran berdasarkan jadual Input-Output tahun 2005

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Pertengahan Tahun 2000-an hingga kini: Kekukuhan Permintaan Dalam Negeri Semakin Menyerlah

Sejak tahun 2005, permintaan dalam negeri telah muncul sebagai pemacu pertumbuhan yang semakin penting. Anggaran bagi tahun 2012 dalam Rajah 3 menunjukkan sumbangan bersih eksport kepada KDNK menurun kepada 54%, manakala sumbangan daripada permintaan dalam negeri meningkat kepada 46%. Untuk menganalisa trend ini selanjutnya, kaedah terlaras import dilanjutkan[3] untuk menganggar sumbangan bersih permintaan dalam dan luar negeri kepada KDNK dari tahun 2005 dan seterusnya (Rajah 4). Rajah 4 menunjukkan kekukuhan permintaan dalam negeri mula memperoleh momentum pada tahun 2007, bahkan sebelum sektor luaran terjejas oleh krisis kewangan dalam ekonomi maju. Sejak krisis, jelas bahawa pertumbuhan permintaan dalam negeri telah bertambah kukuh dengan ketara manakala prestasi permintaan luar negeri terus lembap. Dari perspektif pertumbuhan keseluruhan, permintaan dalam negeri yang secara relatif berdaya tahan telah menyokong ekonomi daripada kesan buruk kelembapan eksport.

Rajah 4

Sumbangan Bersih Permintaan Dalam dan Luar Negeri kepada KDNK



Perubahan tahunan,%	2005-06	2007-08	2009-10	2011-12
Permintaan dalam negeri	4.8	9.2	5.2	9.1
Permintaan luar negeri	5.6	3.2	1.0	2.5

Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

Sumbangan bersih setiap komponen permintaan kepada pertumbuhan nilai ditambah dalam negeri dianggarkan dalam Rajah 5 dengan menggunakan kaedah terlaras import. Penggunaan swasta telah

[3] Berdasarkan Kranendonk dan Verbruggen, 2005, 2008.

memainkan peranan yang semakin penting untuk memacu pertumbuhan, terutamanya sejak akhir tahun 2006, manakala pelaburan mencatat sumbangan yang jauh lebih tinggi kepada pertumbuhan sejak tahun 2011.

KDNK benar terus mencatat pertumbuhan tahunan lebih daripada 5% sejak tahun 2011, dengan permintaan dalam negeri meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan terkumpul 9.1%, sekali gus menyumbang dengan ketara sebanyak 74% kepada pertumbuhan KDNK. Trend ini keseluruhannya menunjukkan permintaan dalam negeri muncul sebagai sumber utama pertumbuhan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Rajah 5

Sumbangan Bersih kepada Pertumbuhan Mengikut Perbelanjaan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Implikasi: Perubahan Struktur dalam Industri

Perubahan dalam pemacu permintaan boleh menyebabkan peralihan struktur dalam ekonomi kerana tindak balas industri terhadap perubahan dalam sumber permintaan. Memandangkan sumber utama permintaan adalah daripada pasaran dalam negeri, industri yang berorientasikan dalam negeri dijangka berkembang lebih cepat daripada industri berorientasikan eksport. Keberuntungan firma berorientasikan dalam negeri akan meningkat, sekali gus menarik firma baharu dan menggalakkan firma sedia ada untuk meningkatkan kapasiti. Sumber akan beralih kepada industri ini, lantas menyebabkan perubahan struktur dalam ekonomi kerana tindak balas firma untuk memenuhi sumber permintaan baharu ini.

Untuk mengesahkan hipotesis ini, orientasi dalam negeri bagi sesebuah industri dianggarkan. Pekali input-output membolehkan anggaran dibuat bagi nisbah keluaran sesebuah

Jadual 1

Orientasi Industri Kepada Pasaran Dalam Negeri

Sektor	Bahagian kepada pasaran dalam negeri (%)
Pertanian	**33.7**
Perlombongan	**19.2**
Perkilangan	**19.3**
Industri berkaitan E&E	*6.7*
Industri berkaitan sumber	*21.6*
Industri berkaitan pengguna	*36.7*
Industri berkaitan pembinaan	*31.6*
Pembinaan	**87.1**
Perkhidmatan	**52.9**
Perdagangan borong dan runcit	*34.5*
Penginapan dan restoran	*92.5*
Pengangkutan	*41.0*
Komunikasi	*59.4*
Kewangan dan insurans	*37.7*
Perkhidmatan lain	*70.7*

Sumber: Jadual Input-Output 2005 dan anggaran Bank Negara Malaysia

industri yang digunakan dalam negeri (barangan dan perkhidmatan akhir) atau yang digunakan secara tidak langsung sebagai barangan pengantara untuk barangan dan perkhidmatan untuk permintaan dalam negeri. Anggaran ini menunjukkan sumbangan nilai ditambah sesebuah industri yang bergantung pada permintaan akhir dalam negeri. Daripada Jadual 1, dapat dilihat bahawa perkilangan dan perlombongan lebih berorientasikan eksport, manakala pembinaan dan perkhidmatan pula lebih berorientasikan dalam negeri.

Rajah 6 memplot orientasi dalam negeri bagi subsektor dalam ekonomi berbanding dengan kadar pertumbuhan purata setiap subsektor industri antara tahun 2007 hingga tahun 2012. Seperti yang diramalkan, subsektor industri yang lebih berorientasikan dalam negeri menunjukkan prestasi yang lebih baik secara relatif berbanding dengan industri yang lebih berorientasikan eksport. Ini menunjukkan wujudnya korelasi positif antara orientasi dalam negeri bagi sesebuah industri dengan pertumbuhan pada tahun 2007-2012. Yang ketara, sektor perkilangan elektrik dan elektronik (berorientasikan eksport) mengalami penguncupan purata 2.5%. Walau bagaimanapun industri berorientasikan exports yang memenuhi permintaan serantau (perkilangan berkaitan pembinaan dan juga perkilangan makanan dan minuman) terus mencatat pertumbuhan yang kukuh[4]. Sementara itu, sektor pembinaan harta bukan kediaman serta sektor penginapan dan restoran (berorientasikan dalam negeri) mencatat pertumbuhan yang kukuh masing-masing 10.4% dan 6%.

Rajah 6

Pertumbuhan yang Lebih Cepat bagi Industri Berorientasikan Dalam Negeri



*Saiz gelembung mewakili saiz relatif nilai ditambah setiap industri[5] pada tahun 2012

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

[4] Perlombongan mencatat penguncupan disebabkan rizab minyak yang semakin berkurang yang menjejaskan pengeluaran.

[5] Pertanian: 1 = Perhutanan & pembalakan, 2 = Lain-lain, 3 = Ladang kelapa sawit, 4 = Perikanan; Perkilangan: 1 = Elektronik & Elektrik, 2 = Petroleum, kimia, getah dan Keluaran plastik, 3 = Keluaran tekstil, 4 = Keluaran kayu 5 = Keluaran berkaitan pembinaan, 6 = Makanan, minuman dan tembakau 7 = Kelengkapan pengangkutan; Perkhidmatan: 1 = Perdagangan pemborongan dan runcit, 2 = Perkhidmatan perniagaan, 3 = Kewangan dan insurans, 4 = Pengangkutan dan penyimpanan, 5 = Komunikasi, 6 = Utiliti, 7 = Harta tanah, 8 = Restoran dan penginapan, 9 =Perkhidmatan Kerajaan, 10 = Lain-lain; Pembinaan: 1 = Kejuruteraan Awam, 2 = Bukan kediaman, 3 = Kediaman

Prestasi sektor berorientasikan dalam negeri seterusnya pula menyokong keadaan guna tenaga yang menggalakkan, dengan kadar pengangguran kekal stabil sekitar 3%. Kekukuhan sektor berorientasikan dalam negeri telah lebih daripada mengimbangi kelemahan dalam sektor berorientasikan eksport. Ini telah membolehkan pewujudan peluang pekerjaan yang berterusan, terutamanya dalam sektor berorientasikan dalam negeri, sekali gus menyokong pertumbuhan pendapatan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Kesimpulan

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, permintaan dalam negeri muncul sebagai pemacu utama pertumbuhan. Penggunaan swasta dan jumlah pelaburan adalah berdaya tahan, lantas membolehkan ekonomi berkembang meskipun berdepan dengan prestasi eksport yang lembap. Pertumbuhan dan guna tenaga telah disokong oleh sektor berorientasikan dalam negeri, lalu mengimbangi kelemahan dalam industri berorientasikan eksport. Keadaan ini sebahagiannya dicapai susulan wujudnya pembaharuan struktur serta dasar ekonomi yang teguh sejak bertahun-tahun lamanya.

Walau bagaimanapun, Malaysia kekal sebagai ekonomi yang sangat terbuka dengan eksport menjadi sumber utama permintaan. Oleh itu, pelaburan strategik dalam industri pertumbuhan yang tepat adalah amat penting bagi memastikan Malaysia berada pada kedudukan yang baik supaya dapat memanfaatkan peluang baharu dalam landskap global yang berubah-ubah. Yang ketara, keluaran dan pasaran eksport telah menjadi lebih pelbagai, berorientasikan ke arah industri pertumbuhan baharu dan ekonomi serantau yang pesat berkembang. Ini membolehkan Malaysia bergerak lebih tinggi dalam rantaian nilai di samping memanfaatkan pertumbuhan global yang utama.

Melangkah ke hadapan, usaha menjana pertumbuhan yang kukuh, mampan dan seimbang akan memerlukan pembaharuan yang selanjutnya. Pertumbuhan yang mampan perlu disokong oleh peningkatan dalam produktiviti dan inovasi, bagi membolehkan peralihan ke arah ekonomi bernilai tambah lebih tinggi dan berpendapatan lebih tinggi. Langkah terkini seperti pengenalan dasar gaji minimum dan liberalisasi selanjutnya dalam industri terpilih akan menyokong peralihan ini, sekali gus menyumbang kepada pendapatan yang lebih tinggi, yang seterusnya menyokong pertumbuhan yang berterusan dalam penggunaan. Pewujudan jaring keselamatan sosial yang komprehensif, termasuk penambahbaikan dalam sistem persaraan dan penjagaan kesihatan, serta usaha berterusan untuk menggalakkan rangkuman kewangan akan mengurangkan keperluan tabungan bagi tujuan kecemasan dan akan meningkatkan penggunaan. Kejayaan mengekalkan magnitud dan kualiti pelaburan akan bergantung pada kemajuan reformasi struktur, pembangunan sektor kewangan yang berterusan, keadaan perniagaan yang baik dan ketersediaan pekerja mahir. Pembaharuan ini, bersama-sama dengan pempelbagaian dalam pasaran dan keluaran eksport perlu diteruskan bagi memastikan pertumbuhan yang mampan pada masa hadapan.

Rujukan

Bank Negara Malaysia (2011), 'Perubahan Struktur Eksport Malaysia', Rencana dalam Laporan Tahunan 2011.

Klein, LR (1983), 'The Economics of Supply and Demand', Basil Blackwell, Oxford.

Kranendonk, HC dan JP Verbruggen (2005), 'How to Determine the Contributions of Domestic Demand and Exports to Economic Growth? Dutch Versus International Method', CPB Memorandum 129, November.

Kranendonk, H.C. dan J.P. Verbruggen (2008), 'Decomposition of GDP Growth in Some European Countries and the United States, Different Methods Tell Different Stories,' CPB Memorandum 203, September.

umumnya mempunyai tempoh matang yang lebih panjang serta lebih fleksibel.

Malaysia mempunyai lebih fleksibiliti untuk menguruskan risiko luaran dengan berkesan

Sebagai sebuah ekonomi yang kecil dan sangat terbuka, Malaysia tidak terlindung daripada risiko yang timbul akibat keadaan ekonomi global yang makin mencabar. Walau bagaimanapun, sektor luar negeri Malaysia yang berdaya tahan telah memberikan fleksibiliti dasar yang lebih tinggi kepada negara untuk menguruskan kejutan luaran. Pengurusan makroekonomi yang berhemat dan pembaharuan dasar yang telah dilaksanakan sejak beberapa tahun lalu telah memperkukuh asas makroekonomi Malaysia dan meningkatkan prospek pertumbuhannya, manakala rangkaian pelbagai instrumen pasaran wang yang boleh digunakan oleh Bank telah membolehkan dasar monetari dilaksanakan dengan lebih berkesan. Rejim kadar pertukaran apungan terurus juga terus memberikan fleksibiliti yang diperlukan untuk membolehkan kadar pertukaran diselaraskan dengan perubahan persekitaran luaran dalam jangka pertengahan. Selain itu, akaun semasa yang terus mencatat lebihan, paras rizab yang agak tinggi, ditambah pula dengan aset asing cair yang agak besar dalam sektor perbankan, turut memberikan penampan tambahan bagi menghadapi sebarang kejutan luaran kepada ekonomi.

PERKEMBANGAN HARGA

Harga pengguna

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), mencatat purata 1.6% pada tahun 2012 (2011: 3.2%). Pada separuh pertama tahun 2012, inflasi menurun dengan ketara, daripada 2.7% pada bulan Januari kepada 1.6% pada bulan Jun, sebelum stabil pada 1.3% pada separuh kedua tahun 2012. Secara keseluruhan, inflasi pada tahun 2012 adalah lebih rendah daripada julat ramalan yang dijangkakan, iaitu 2.5-3.0% disebabkan terutamanya oleh keadaan bekalan makanan dalam negeri yang lebih baik daripada jangkaan, dan inflasi dalam kategori *pengangkutan* yang lebih rendah daripada jangkaan. Tekanan harga global yang lemah ekoran pertumbuhan global yang lebih perlahan serta kesan asas (base effect) daripada inflasi yang lebih tinggi pada tahun sebelumnya turut menyumbang kepada inflasi yang lebih rendah pada tahun itu. Inflasi teras, iaitu penunjuk tekanan

Rajah 1.16

Inflasi Harga Pengguna



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

harga berasaskan permintaan, menjadi sederhana kepada 2.4% pada tahun 2012 (2011: 2.7%).

Penurunan inflasi adalah menyeluruh dan meliputi hampir kesemua kategori IHP. Hanya dua kategori IHP mencatat inflasi yang lebih tinggi sedikit pada tahun 2012, iaitu *hiasan, perkakasan dan penyelenggaran isi rumah*, serta *pendidikan* (2012: masing-masing 2.0% dan 2.4%; 2011: masing-masing 1.9% dan 2.2%). Dari segi kategori IHP, penyumbang utama kepada inflasi yang lebih rendah pada tahun 2012 ialah kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* serta *pengangkutan*, yang kedua-duanya mencakupi 78.5% daripada keseluruhan penurunan inflasi

Rajah 1.17

Sumbangan kepada Inflasi



Nota: Lain-lain merujuk kepada *komunikasi; pakaian dan kasut; kesihatan; perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan; hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah; minimum alkohol dan tembakau; pendidikan* dan *pelbagai barangan dan perkhidmatan*

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

pada tahun itu. Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* menjadi sederhana kepada 2.7% (2011: 4.8%), disebabkan terutamanya oleh penurunan harga daging dan sayur-sayuran. Inflasi yang lebih sederhana dalam kategori *pengangkutan* pada 0.7% (2011: 4.4%) adalah kerana tiada penyelarasan terhadap kebanyakan harga bahan api, di samping harga petrol RON97 yang lebih rendah. Akibat tekanan inflasi yang lebih rendah pada tahun itu, lebih banyak komponen IHP mencatat kadar inflasi kurang daripada 2% pada tahun 2012 (2012: 66.3% daripada komponen IHP; 2011: 55.9%).

Inflasi yang menjadi sederhana pada tahun 2012 didorong terutamanya oleh faktor penawaran. Pertama, tekanan harga luaran adalah lebih sederhana pada tahun itu disebabkan oleh kenaikan harga tenaga global yang lebih perlahan dan harga makanan global yang lebih rendah. Meskipun harga minyak mentah global dipengaruhi oleh turun naik yang berlaku ekoran ketegangan geopolitik di Timur Tengah dan wilayah Afrika Utara, namun harga purata minyak bagi keseluruhan tahun itu kekal stabil dan mencatat sedikit kenaikan sahaja berbanding dengan tahun sebelumnya[1]. Kenaikan yang sederhana dalam harga minyak mentah global ini mencerminkan bekalan minyak yang berlebihan disebabkan oleh pengeluaran yang lebih tinggi dan permintaan global yang lebih rendah. Harga makanan global adalah lebih rendah pada tahun itu berbanding dengan tahun sebelumnya, walaupun terdapat kenaikan dalam harga komoditi makanan terpilih, seperti jagung dan gandum, pada separuh kedua tahun itu. Keadaan ini sebahagiannya disebabkan oleh simpanan stok yang tinggi bagi kebanyakan komoditi makanan, terutamanya pada separuh tahun pertama, berikutan permintaan global yang lemah.

Negara rakan import utama Malaysia turut mengalami inflasi yang lebih rendah pada tahun 2012 disebabkan oleh harga tenaga dan makanan global yang lebih sederhana dan pertumbuhan permintaan dalam negeri yang lebih perlahan di sesetengah ekonomi ini. Secara keseluruhannya, harga komoditi global yang lebih rendah dan tekanan inflasi yang lemah dari negara rakan import utama Malaysia, diiringi pula oleh penambahan nilai ringgit yang berterusan, telah

[1] Harga purata minyak mentah Brent ialah USD112 setong pada tahun 2012 (Purata 2011: USD111 setong).

Rajah 1.18

Peratusan Komponen IHP Melebihi Paras Ambang Tertentu



* Inflasi keseluruhan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

mengurangkan tekanan luaran berkaitan kos secara langsung dan tidak langsung terhadap harga pengguna.

Kedua, bekalan makanan dalam negeri mencatat pertambahan yang ketara pada tahun 2012, seterusnya menyebabkan harga makanan menjadi lebih rendah. Dalam industri ternakan ayam itik, dalam keadaan harga makanan ternakan yang stabil, pengeluar meningkatkan pengeluaran ayam berikutan jangkaan permintaan yang lebih tinggi terhadap ayam. Aktiviti ini telah menyebabkan lebihan bekalan ayam dan telur.

Rajah 1.19

Inflasi Berkaitan Faktor Permintaan dan Inflasi Berkaitan Faktor Penawaran



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 1.20

Harga Minyak Mentah dan Makanan Global



Nota:
1. Indeks Harga Minyak Mentah IMF merangkumi purata mudah bagi tiga harga Spot; Dated Brent, West Texas Intermediate, dan Dubai Fateh
2. Indeks Harga Makanan IMF merangkumi indeks harga bijirin, minyak sayur, daging, makanan laut, gula, pisang dan oren.

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)

Bekalan sayur-sayuran dalam negeri juga lebih tinggi daripada jangkaan, berikutan pembukaan kebun baharu dan keadaan cuaca yang lebih baik. Harga daging dan sayur-sayuran yang rendah ini seterusnya membantu mengurangkan tekanan harga dalam kategori lain berkaitan makanan. Sebagai contoh, inflasi dalam subkategori *makanan di luar rumah* menjadi sederhana kepada 3.7% pada tahun 2012 (2011: 4.6%).

Ketiga, inflasi yang lebih rendah juga disebabkan oleh kesan asas berikutan peningkatan mendadak dalam IHP pada tahun sebelumnya. Pada tahun 2011, harga makanan naik mendadak disebabkan oleh kenaikan harga ayam yang berpunca daripada kenaikan harga makanan ternakan, dan harga sayur-sayuran disebabkan oleh hasil tuaian dalam negeri yang rendah dan kekurangan pekerja. Walau bagaimanapun, faktor ini sudah tiada pada tahun 2012. Selain itu, terdapat pelbagai pelarasan harga sekali sahaja pada tahun 2011 yang tidak berlaku pada tahun 2012, seperti kenaikan tarif bekalan elektrik dan peningkatan caj perkhidmatan televisyen satelit pada pertengahan Julai 2011. Walaupun terdapat pelarasan menaik yang berterusan terhadap harga petrol RON97 dan gula pada tahun 2012, magnitud pelarasan keseluruhan pada tahun 2011 adalah lebih besar dan berlaku lebih awal pada tahun 2011 berbanding dengan pelarasan pada tahun 2012.

Meskipun terdapat permintaan dalam negeri yang kukuh, tekanan harga yang didorong oleh permintaan kekal rendah pada tahun 2012 disebabkan oleh beberapa faktor. Walaupun pendapatan secara keseluruhannya terus meningkat pada kadar yang stabil, peningkatan kecekapan hasil daripada produktiviti yang lebih tinggi telah membantu mengurangkan tekanan daripada permintaan. Selain itu, firma tidak menaikkan harga barangan dan perkhidmatan dengan ketara meskipun terdapat permintaan penggunaan yang kukuh, kerana tekanan kos adalah lebih lemah. Tekanan terhadap harga domestik sedikit sebanyak turut dikurangkan oleh import seperti yang ditunjukkan oleh

Jadual 1.9

Perubahan kepada Harga Ditadbir

Bulan	2011			2012		
	Butiran	Magnitud pelarasan	Perubahan bersih	Butiran	Magnitud pelarasan	Perubahan bersih
Januari	Petrol RON97	+10 sen/liter	Petrol RON97: +50 sen/liter Gula: +20 sen/kg			Petrol RON97: -5 sen/liter Gula: +20 sen/kg
Februari	Petrol RON97	+10 sen/liter				
Mac						
April	Petrol RON97	+20 sen/liter		Petrol RON97	+10 sen/liter	
Mei	Petrol RON97 Gula	+20 sen/liter +20 sen/kg				
Jun	Petrol RON97	-10 sen/liter		Petrol RON97	-10 sen/liter	
Julai				Petrol RON97	-20 sen/liter	
Ogos				Petrol RON97	+10 sen/liter	
September				Petrol RON97 Gula	+30 sen/liter +20 sen/kg	
Oktober				Petrol RON97	-10 sen/liter	
November				Petrol RON97	-5 sen/liter	
Disember				Petrol RON97	-10 sen/liter	

import barangan pengguna yang lebih tinggi. Oleh itu, inflasi teras yang merupakan penunjuk inflasi berasaskan permintaan menjadi sederhana pada tahun 2012.

Harga pengeluar

Disebabkan tekanan kos yang lemah, inflasi harga pengeluar, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengeluar (IHPR), menurun kepada 0.1% pada tahun 2012 (2011: 9.0%), didorong terutamanya oleh harga komoditi global yang lebih rendah. Secara khusus, pertumbuhan tahunan komponen IHPR berkaitan komoditi merosot dengan ketara kepada -0.5% pada tahun 2012 (2011: 23.6%), disebabkan terutamanya oleh inflasi yang lebih rendah dalam subkategori *bahan api galian, pelincir, dll.* serta *bahan mentah tidak boleh dimakan* (2012: masing-masing 7.0% dan -10.3%; 2011: masing-masing 24.2% dan 23.2%). Pertumbuhan tahunan bagi komponen IHPR bukan komoditi juga lebih rendah pada 0.5% (2011: 2.1%). Inflasi harga pengeluar yang lebih rendah telah mengurangkan tekanan terhadap kos operasi firma, dan seterusnya mengurangkan tekanan terhadap harga pengguna.

Dari segi komposisi, kedua-dua komponen IHPR tempatan dan yang diimport menjadi sederhana pada tahun 2012. IHPR bagi komponen tempatan menurun sebanyak 0.2% (2011: 12.0%), manakala komponen yang diimport pula meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 0.7% pada tahun itu (2011: 2.3%).

Rajah 1.21

Inflasi Harga Pengeluar dan Harga Komoditi Utama IMF



Nota: 1. Komponen komoditi dalam Indeks Harga Pengeluar (IHPR) merangkumi *bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan; bahan api galian, pelincir, dll.* dan *minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran*
2. Komponen bukan komoditi dalam IHPR merangkumi *makanan; minuman dan tembakau; bahan kimia; barang-barang keluaran kilang; jentera dan kelengkapan pengangkutan; pelbagai barang keluaran kilang* dan *pelbagai urus niaga dan barangan*

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Negara Malaysia